

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2024

HARI KHAMIS : 24 OKTOBER 2024

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 3, NO. 12 HINGGA NO. 43)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY
GAPARI KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY GAPARI KITINGAN [KENINGAU] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan rancangan dan program-program yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan untuk membasmi kemiskinan tegar dan kemiskinan pada tahun 2024 ini di Sabah khususnya di lapan daerah Sabah yang termiskin di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pelbagai ikhtiar telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam usaha membasmi kemiskinan dan menoktahkan kemiskinan tegar di seluruh negara termasuk di negeri Sabah.

2. Bagi jangka masa pendek, Kerajaan menyediakan pelbagai bantuan antaranya Sumbangan Tunai Rahmah (STR), Sumbangan Asas Rahmah (SARA), subsidi kepada pesawah dan pekebun kecil serta projek pembaikan infrastruktur luar bandar dan program peningkatan pendapatan bagi membasmi kemiskinan.

3. Bagi strategi jangka masa sederhana dan panjang di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12), pelbagai strategi, program dan projek serta inisiatif sedang dan akan dilaksanakan sebagai usaha bagi membasmi kemiskinan. Antara program yang dilaksanakan adalah Program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) yang diterajui oleh Kementerian Ekonomi. IPR juga merupakan salah satu program pembasmian kemiskinan yang meliputi penyediaan ekosistem yang lengkap dan bantuan secara *in-kind* kepada peserta bagi menyokong dan menggalakkan mereka untuk menjalankan aktiviti ekonomi bagi menjana pendapatan tambahan secara mampan.

4. Bagi menoktahkan kemiskinan tegar di Sabah, keutamaan diberi untuk memantapkan penyediaan infrastruktur, mengoptimumkan potensi ekonomi, menambah baik akses kepada perkhidmatan sosial, mempertingkat pembangunan inklusif dan memperkukuh kerjasama antara agensi Persekutuan dan kerajaan negeri. Usaha ini dilaksanakan untuk meningkatkan akses dan peluang ekonomi serta seterusnya meningkatkan pendapatan dan taraf hidup di Sabah.

5. Dalam hubungan ini, Kerajaan melaksanakan pelbagai ikhtiar bagi menoktahkan kemiskinan tegar dengan memberi tumpuan kepada seluruh negeri Sabah terutamanya bagi 8 daerah yang mencatatkan

kadar kemiskinan tegar tertinggi iaitu Beluran, Kota Belud, Kota Marudu, Kudat, Nabawan, Pitas, Telupid dan Tongod. Bagi tujuan berkenaan, peruntukan berjumlah RM297 juta telah disalurkan pada tahun 2024 bagi melaksanakan projek dan program menangani kemiskinan dan menaiktaraf infrastruktur bagi menambah baik akses dan ketersambungan di 8 daerah berkenaan.

6. Selain itu, Kementerian Ekonomi juga turut melaksanakan program Inisiatif Usahawan Tani (IPR – INTAN) di beberapa kawasan di Sabah di atas tanah berkeluasan 804 ekar dan diusahakan oleh 690 peserta yang terdiri daripada kelompok keluarga miskin tegar, miskin dan B40.

7. Bagi meluaskan lagi pelaksanaan IPR – INTAN di Sabah, kerjasama kerajaan negeri adalah dipohon untuk membantu mengenal pasti dan menyediakan tanah bagi pelaksanaan program ini. Sekiranya terdapat tanah-tanah yang bersesuaian, Kementerian Ekonomi yakin program IPR – INTAN ini akan memberi manfaat kepada lebih ramai golongan sasaran khususnya di daerah-daerah termiskin.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ
SYED ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan cadangan bagi membina 3 buah jambatan baru bagi menggantikan jambatan rosak di laluan A105 Jalan Bendang Siam - Bukit Gantang yang melibatkan Jambatan Sungai Bukit Gantang, Jambatan Sungai Senduk dan Jambatan Sungai Cheh. Keadaan 3 jambatan tersebut amatlah uzur dan merbahaya kepada pengguna.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya komited untuk menyediakan kemudahan infrastruktur jalan raya terbaik untuk keselamatan dan keselesaan rakyat dan pada masa yang sama dapat menjadi pemangkin kepada pembangunan sosio-ekonomi negara. Kementerian ini mengambil maklum akan cadangan Ahli Yang Berhormat untuk membaiki jambatan rosak di laluan A105 Jalan Bendang Siam - Bukit Gantang yang melibatkan Jambatan Sungai Bukit Gantang, Jambatan Sungai Senduk dan Jambatan Sungai Cheh.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semakan Kementerian ini mendapati **Jalan Bendang Siam - Bukit Gantang (A105) yang dimaksudkan merupakan Jalan Negeri** yang menghubungkan antara persimpangan Jalan Trong sehingga ke persimpangan Bukit Gantang sepanjang 9.24 km. Oleh yang demikian, bidang kuasa bagi pelaksanaan projek tersebut adalah di bawah Kerajaan Negeri Perak. Sehubungan itu, Kementerian mengesyorkan cadangan projek ini diangkat kepada Kerajaan Negeri Perak untuk tindakan lanjut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI
[LUBOK ANTU]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI [LUBOK ANTU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian akan melaksanakan lebih banyak program turun padang di Sarawak termasuk di Parlimen Lubok Antu bagi memastikan penduduk di kawasan pedalaman dan hulu sungai turut mendapat akses kepada perkhidmatan kesihatan asas seperti pemeriksaan kesihatan, pergigian dan sebagainya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. KKM sentiasa komited untuk memperluaskan akses perkhidmatan kesihatan kepada setiap lapisan masyarakat. Pada masa ini, di Parlimen Lubok Antu khususnya, terdapat sebuah klinik kesihatan induk iaitu Klinik Kesihatan Lubok Antu dan telah ditempatkan seorang Pakar Perubatan Keluarga. Antara perkhidmatan yang disediakan adalah perkhidmatan rawatan pesakit luar, rawatan penyakit kronik, rawatan penyakit berjangkit, perkhidmatan kesihatan ibu dan anak serta skop perkhidmatan tambahan yang lain seperti aktiviti saringan kesihatan di bawah Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan (NHSI). Klinik Kesihatan Lubok Antu juga menyediakan perkhidmatan tugas atas panggilan (*on call*) bagi kes-kes kecemasan yang memerlukan rawatan selepas waktu pejabat.

2. Di bawah KK Lubok Antu, terdapat 7 buah klinik kesihatan lain iaitu KK Engkilili, KK Batang Ai, KK Merindun, KK Nanga Kesit, KK Nanga Patoh, KK Nanga Stamang dan KK Nanga Delok yang mana klinik kesihatan ini menempatkan Penolong Pegawai Perubatan dan Jururawat bagi tujuan menyampaikan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk di kawasan pedalaman Parlimen Lubok Antu.

3. Selain daripada menyampaikan perkhidmatan di Klinik Kesihatan Lubok Antu, Pegawai Perubatan dari KK Lubok Antu turut melaksanakan pendekatan turun ke lapangan menerusi lawatan secara tetap dan berjadual ke klinik kesihatan dalam kawasan Parlimen Lubok Antu. Pakar Perubatan Keluarga pula akan memantau aktiviti perawatan yang diberikan bagi memastikan perkhidmatan yang disampaikan berkualiti dan inklusif.

4. Berkaitan dengan Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan (NHSI), aktiviti ini dijalankan bagi mengenalpasti faktor risiko kesihatan penduduk setempat. Aktiviti ini juga bertujuan untuk membolehkan intervensi awal dapat dilaksanakan terutamanya bagi penyakit tidak berjangkit (NCD) seperti diabetes mellitus, tekanan darah tinggi, *hypercholestermia* dan berat badan berlebihan. Bagi penduduk yang didapati mengamalkan

NO SOALAN : 13

budaya tidak sihat seperti merokok, mereka akan diberi khidmat nasihat untuk berhenti merokok menerusi Program Berhenti Merokok di klinik kesihatan yang berdekatan. Selain itu, aktiviti kecergasan fizikal dan kebersihan persekitaran serta aktiviti lain di bawah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) turut diberi penekanan dalam penduduk setempat bagi memupuk gaya hidup yang lebih sihat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN
ABAS [MERSING]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN ABAS [MERSING] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pendekatan yang diambil oleh Kerajaan terhadap aspek migrasi pekerja tempatan susulan bilangan rakyat tempatan yang mencari pekerjaan di Singapura yang dilaporkan meningkat sekitar 62% bagi S1 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Menurut laporan *United Nation* bertajuk dengan izin, ‘UN *In Malaysia Country Results Report 2020*’, kira-kira 1.86 juta rakyat Malaysia tinggal di luar negara, menyumbang kira-kira 5.6 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia. Daripada diaspora ini, sebahagian besar, kira-kira 1.13 juta atau 60 peratus diaspora Malaysia menetap di Singapura.

Berdasarkan kajian oleh Jabatan Perangkaan Malaysia yang dikeluarkan pada 19 Februari 2024 mengenai Warganegara Malaysia yang bekerja di Singapura dan Brunei pada 2022 dan 2023, antara faktor utama penghijrahan adalah untuk peluang pekerjaan yang lebih baik, persekitaran kerja yang lebih kondusif, gaji yang lebih lumayan dan kadar pertukaran mata wang yang tinggi.

Bagi menangani dan membendung migrasi rakyat terutamanya ke luar negara adalah penting untuk memberi tumpuan kepada pengukuhan ekonomi dan mata wang kita sendiri, dan yang paling penting, mencipta lebih banyak peluang pekerjaan di dalam negara kepada rakyat Malaysia yang berkebolehan dan berkemahiran.

Lebih penting, melihat situasi ini pada peringkat makro, usaha juga perlu dititipkan agar Malaysia mempunyai ekonomi yang lebih kukuh, lebih banyak pelaburan, lebih banyak kerja berkualiti tinggi, dan lebih banyak bakat mahir supaya dapat menarik pelaburan, menarik diaspora untuk bekerja dan terus menetap serta menyumbang kepada negara.

Mengambil petunjuk daripada contoh yang berjaya dari negara lain, Malaysia perlu memastikan jurang antara penawaran dan permintaan bakat ditangani dan ketidakpadanan dikurangkan. Justeru secara semula jadi, gaji akan meningkat bersama dengan faedah ekonomi yang lain. Bagi mencapai aspirasi ini, Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui TalentCorp terus mempergiatkan usaha agar pihak industri, akademia dan kerajaan antaranya Kementerian Ekonomi, Kementerian Perdagangan, Pelaburan & Industri dan Kementerian Dalam Negeri bersatu di bawah platform yang tersusun dan mampan melalui inisiatif seperti MYXpats dan Xpats *Gateway*.

Disamping itu, KESUMA telah mengadakan program turun padang ke sekolah serta berkongsi dengan pelajar sekolah menengah terutamanya tentang pekerjaan dalam permintaan berdasarkan Senarai Pekerjaan Kritikal (MyCOL). Kerajaan turut menyarankan pelajar Institut Pengajian Tinggi untuk menyertai latihan amali Program Latihan Berstruktur Kebangsaan (MySIP) untuk menjadikan mereka tenaga kerja sedia industri di mana empat (4) daripada sepuluh (10) pelatih industri mendapat pekerjaan pertama mereka dengan majikan yang melatih mereka).

Selain itu, usaha untuk menghimpunkan Industri dan Akademia melalui inisiatif *Industry-Academia Collaboration* (IAC) telah dipergiatkan bagi mencari titik penyelesaian isu tenaga kerja. Dalam masa yang sama MyMahir - *Future Skills Talent Council* (FSTC) turut ditubuhkan bagi membantu menangani ketidakpadanan kemahiran yang berlaku dalam pekerjaan serta penyediaan pekerjaan pada masa hadapan.

KESUMA menerusi TalentCorp turut memberi sokongan melalui Karnival Kerjaya dan Pemudahcaraan MyHeart (*Career & Facilitation Fest (CaFe)*), pameran kerjaya maya yang khas untuk syarikat Malaysia menawarkan pekerjaan kepada diaspora profesional yang mahir. Antara syarikat-syarikat yang telah mengambil bahagian termasuk PwC Malaysia, Shell, Ernst & Young, dan Bank Negara Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI
[PEKAN]

TARIKH : 24 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI [PEKAN] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam menampas dan mengekang sebarang cubaan aktiviti jenayah menerusi media sosial dan apakah inisiatif kementerian dalam memastikan penyedia media sosial lebih agresif dalam mengenal pasti *trend* aktiviti jenayah di platform mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) komited dalam memastikan industri komunikasi dan multimedia di Malaysia kekal maju dan beretika selaras dengan peningkatan serta penerimaan (*adoption*) bagi penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) termasuklah dalam mengekang cubaan dan mengenal pasti *trend* aktiviti jenayah di pelbagai platform dalam talian. Namun terdapat limitasi dalam penggunaan AI yang perlu diambil kira dan intervensi manusia masih diperlukan dalam mengesan dan menapis kandungan memudaratkan termasuk jenayah dalam talian serta mempertimbangkan mana-mana keputusan dan menyelesaikan kes-kes rumit.

Pada masa ini pelaksanaan penyederhanaan kandungan oleh MCMC dilakukan oleh pasukan semakan yang terdiri daripada pegawai MCMC bagi memahami nuansa halus, konteks budaya dan makna tersirat yang mungkin terlepas daripada sistem automatik. Penghakiman manusia juga sering diperlukan untuk kandungan yang melibatkan unsur subjektif, seperti humor, sindiran atau ungkapan artistik. Selain itu, pasukan semakan manusia dapat menyesuaikan diri dengan keadaan semasa iaitu *trend* yang berkembang dan isu-isu baharu dengan pantas. Dari segi kebertanggungjawaban pula, pasukan semakan manusia boleh dipertanggungjawabkan atas keputusan mereka, mempromosikan ketelusan dan kepercayaan.

MCMC melalui Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CMCF) sebagai forum industri yang diamanahkan untuk menggalakkan dan membantu kawal selia sendiri kandungan (*content self-regulation*), sedang mengemas kini Kod Kandungan 2022 bagi menerapkan beberapa peruntukan baharu, antaranya berhubung penggunaan AI generatif berkaitan penghasilan dan penyebaran kandungan bagi memastikan AI digunakan secara bertanggungjawab, selaras dengan undang-undang Malaysia serta keperluan semasa.

Selain itu, antara inisiatif lain yang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam memastikan penyedia perkhidmatan media sosial lebih agresif dalam mengenal pasti *trend* aktiviti jenayah siber adalah menerusi keperluan pelesenan ke atas penyedia perkhidmatan pesanan internet dan media sosial di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) yang telah diwartakan pada 1 Ogos 2024 dan akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2025.

Keperluan pelesenan ke atas penyedia perkhidmatan adalah bagi memastikan mereka bertanggungjawab dan memainkan peranan penting dalam mewujudkan ekosistem yang lebih selamat kepada pengguna platform seterusnya menangani secara efektif kandungan mudarat dengan memperkukuhkan sistem dan proses mereka, bagi mengurangkan jenayah dalam talian seperti penipuan (*scam*), jenayah seksual khususnya ke atas kanak-kanak dan buli siber.

MCMC juga sedang membangunkan Kod Tatalaku yang perlu dipatuhi oleh penyedia perkhidmatan ketika beroperasi di Malaysia. Kod Tatalaku ini merangkumi antara lain, perkara-perkara seperti langkah-langkah keselamatan pengguna, langkah-langkah keselamatan kanak-kanak, kaedah pelaporan dan aduan serta akauntabiliti pihak penyedia perkhidmatan dalam menangani kemudaratan kandungan dalam talian.

Sebagai pemegang lesen, penyedia perkhidmatan dikehendaki mematuhi Akta 588 dan syarat standard lesen serta mempunyai tanggungjawab yang jelas untuk mengambil langkah proaktif dalam menghapuskan jenayah siber dan kandungan mudarat seperti bahan penderaan seksual kanak-kanak atau *child sexual abuse material* (CSAM), kandungan yang melanggar undang-undang dan kandungan yang mempromosikan penipuan serta keganasan. Mereka juga dikehendaki untuk mempunyai proses penyederhanaan kandungan yang kukuh untuk mengenal pasti dan menurunkan kandungan mudarat sebelum ia tersebar secara meluas.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' KHLIR BIN MOHD NOR
[KETEREH]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status terkini kenaikan pencen hilang upaya kepada veteran yang cedera dalam operasi menentang penganas komunis sebelum 2 Disember 1989.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertahanan sentiasa prihatin dan komited dalam memperkasakan kebajikan dan kesejahteraan veteran ATM termasuklah veteran ATM yang sedang menerima Pencen Hilang Upaya sama ada yang cedera dan hilang upaya semasa operasi menentang pengganas komunis di zaman darurat.

2. Selain daripada itu, cadangan penambahbaikan ini juga mengambilkira kecederaan yang dialami anggota ATM semasa dalam perkhidmatan telah memberikan kesan terhadap taraf hidup anggota ATM tersebut pasca perkhidmatan terutamanya dalam mendapatkan pekerjaan akibat ketidakupayaan yang dialami. Penambahbaikan ini menunjukkan Kerajaan prihatin dan peka terhadap keperluan dan pengorbanan anggota ATM dalam mempertahankan keamanan negara.

3. Menyedari hakikat bahawa kadar pembayaran Faedah Hilang Upaya (FHU) yang diguna pakai pada masa ini telah lapuk dan nilainya tidak sepadan dengan keadaan ekonomi semasa, Kementerian Pertahanan telah mengambil langkah proaktif menyemak semula kadar-kadar tersebut dengan mengambil kira semua **komponen FHU iaitu Pencen Hilang Upaya, Ganjaran Hilang Upaya, Elaun Pelajaran dan Elaun Layanan Sentiasa** dengan meningkatkan kadar pembayaran.

4. Jemaah Menteri pada 18 September 2024 juga telah menimbang dan bersetuju terhadap cadangan penambahbaikan Faedah Hilang Upaya Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan pembayaran kadar baru akan berkuatkuasa mulai Januari 2025.

NO SOALAN : 16

5. Penambahbaikan terhadap Faedah Hilang Upaya ATM adalah wajar supaya ia menjadi daya penarik penyertaan anggota baru untuk berkhidmat di barisan hadapan. Ia juga boleh dijadikan sebagai penyuntik motivasi kepada anggota ATM sedia ada untuk terus berkhidmat menyumbang bakti demi kedaulatan negara. Walaupun anggota ATM sentiasa berhadapan dengan risiko tinggi semasa bertugas, penambahbaikan ini menunjukkan jaminan masa hadapan yang lebih baik selepas bersara dan memberikan persepsi positif bahawa Kerajaan sentiasa peka terhadap aspek kebajikan anggota dan veteran ATM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN HONG PIN [BAKRI]

TARIKH : 24 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN TAN HONG PIN [BAKRI] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan:

- (a) jumlah aduan buruh paksa yang diterima dan aduan buruh paksa yang diselesaikan mengikut pecahan negeri dan tahun dari 2018 hingga 2024; dan
- (b) adakah KESUMA mempunyai rancangan untuk meminda takrifan buruh paksa berdasarkan 11 penanda yang dikemukakan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani amalan buruh paksa di tempat pekerjaan, Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui Jabatan Tenaga Kerja telah melaksanakan tindakan penguatkuasaan undang-undang perburuhan di bawah Akta Kerja 1955 [Akta 265] dan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670].

Bagi tahun 2018 hingga 2022, sebanyak 43 kes aduan buruh paksa telah diterima oleh Jabatan Tenaga Kerja. Kebanyakan aduan adalah berkaitan dengan isu penahanan gaji ke atas pekerja dan kesemua aduan tersebut telah diselesaikan oleh pihak Jabatan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia, peruntukan baharu mengenai buruh paksa telah diwujudkan di bawah Akta Kerja 1955 (Pindaan) 2021 yang telah dikuatkuasakan [Akta 265] mulai 1 Januari 2023.

Dalam hal ini, pada tahun 2023, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia telah menerima sebanyak 40 aduan buruh paksa di mana pecahannya adalah seperti berikut:

- (i) 25 aduan (62.5%) di negeri Kedah;
- (ii) 6 aduan (15%) di negeri Perak;
- (iii) 5 aduan (12.5%) di negeri Sembilan; dan
- (iv) 1 aduan (2.5%) di negeri Selangor, Terengganu, Sabah dan Sarawak.

Bagi tempoh 1 Januari 2024 hingga 31 Ogos 2024, sebanyak 36 aduan berhubung buruh paksa telah diterima oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia di mana pecahannya adalah seperti berikut:

- (i) 32 aduan (89%) di negeri Kedah;
- (ii) 2 aduan (5%) di negeri Pahang;

- (iii) 1 aduan (3%) di negeri Selangor; dan
- (iv) 1 aduan (3%) di negeri Terengganu.

Untuk Makluman Dewan Yang Mulia, Kesemua aduan pada tahun 2023 sehingga 31 Ogos 2024 adalah berkaitan dengan **kegagalan bayaran gaji pekerja, kelewatan bayaran gaji pekerja, tidak diberikan cuti tahunan, tidak diberi cuti sakit dan penginapan pekerja yang tidak kondusif**. Aduan ini telah disiasat dan telah selesai diambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Tafsiran dan elemen buruh paksa yang terkandung di dalam seksyen 90B Akta Kerja 1955 adalah sejajar dengan empat petunjuk atau indikator utama buruh paksa sebagaimana terkandung dalam Konvensyen ILO No. 29 iaitu:

- (i) Penganiayaan golongan rentan;
- (ii) Penipuan;
- (iii) Ancaman dan ugutan; dan
- (iv) Sekatan pergerakan.

Walaupun takrifan buruh paksa ini tidak meliputi 11 petunjuk atau indikator, namun petunjuk-petunjuk yang lain diliputi di bawah peruntukan dan perundangan sedia ada seperti Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981, Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 dan Akta Pasport 1966.

Dalam hal ini, Malaysia telah menunjukkan usaha yang jelas untuk memperkuat undang-undang mengenai buruh paksa dan menyesuaikan dasar dengan standard antarabangsa, termasuk ILO.

Pada masa ini juga, Kementerian Sumber Manusia sedang menilai semula pelaksanaan penguatkuasaan berhubung buruh paksa di bawah Akta Kerja 1955 yang telah dikuatkuasakan pada Januari 2023. Dalam hubungan ini, KESUMA juga sedang mengkaji semula Pelan Tindakan

Buruh Paksa Kebangsaan 2021-2025 (NAPFL) bagi menambah baik strategi dan mengukuhkan pelaksanaan. Penerusan Pelan Tindakan ini akan menepati obligasi Perjanjian Komprehensif dan Progresif Bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) yang ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia.

KESUMA dengan sokongan rakan-rakan strategik juga akan terus mempertingkatkan usaha dalam aspek pencegahan, pemantauan dan penguatkuasaan bagi menangani buruh paksa di negara ini. Jabatan Tenaga Kerja berterusan melaksanakan program kesedaran dalam memberi pendidikan berhubung buruh paksa. Dalam hal ini, antara aktiviti yang telah dilaksanakan ialah Program Jerayawara 'Katakan Tidak Kepada Buruh Paksa' yang bertujuan membanteras kegiatan buruh paksa dan juga pemerdagangan orang dalam negara serta sesi dialog yang turut melibatkan pihak industri berkenaan amalan terbaik menangani elemen buruh paksa dan pemerdagangan orang di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH SALAMIAH BINTI MOHD NOR
[TEMERLOH]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

**PUAN HAJAH SALAMIAH BINTI MOHD NOR [TEMERLOH] minta
MENTERI EKONOMI menyatakan :**

- (a) berapa jumlah peratusan rakyat miskin di Pahang dapat dikurangkan setakat ini di bawah Rancangan Malaysia Ke-12; dan
- (b) nyatakan juga secara spesifik untuk penduduk di lokaliti Parlimen Temerloh dan langkah proaktif Kementerian untuk terus membantu rakyat keluar daripada kancah kemiskinan yang meruncing.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan terus beriltizam untuk menangani kemiskinan dengan tujuan menoktahkan kemiskinan tegar tanpa mengira latar belakang kaum dan wilayah dengan memberi tumpuan kepada pendekatan baharu melalui usaha mengatasi masalah struktur ekonomi. Usaha ini akan membolehkan isi rumah miskin menjana pendapatan tambahan secara mampan di bawah Kerangka Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat bagi mengangkat darjat dan taraf hidup rakyat.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data terkini HIES 2022 yang diterbitkan pada Julai 2023, insiden kemiskinan peringkat nasional pada tahun 2022 adalah 6.2 peratus (487.6 ribu isi rumah), berbanding anggaran 8.4 peratus pada tahun 2020. Manakala kadar kemiskinan tegar peringkat nasional pula telah berkurang kepada 0.2 peratus (18.4 ribu isi rumah) daripada anggaran 1 peratus pada tahun 2020. Dalam tempoh yang sama insiden kemiskinan di negeri Pahang pada tahun 2022 adalah 6.3 peratus (24.1 ribu isi rumah), berbanding anggaran 8.8 peratus pada tahun 2020. Manakala, insiden kemiskinan tegar di negeri Pahang juga menurun kepada 0.1 peratus (0.5 ribu isi rumah) daripada anggaran 1 peratus pada tahun 2020.

3. Berdasarkan pangkalan data eKasih di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM), pada Januari 2024 seramai 919 Ketua Isi Rumah (KIR) miskin telah direkodkan di daerah Temerloh. Manakala pada 22 Oktober 2024 seramai 664 KIR miskin yang direkodkan dalam eKasih.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Beberapa strategi dan inisiatif di bawah Belanjawan 2024 dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12), 2021 - 2025 sedang dan akan dilaksanakan Kerajaan bagi

mengurangkan kadar kemiskinan serta meningkatkan darjat hidup rakyat selaras dengan aspirasi Ekonomi MADANI.

5. Dalam Belanjawan 2025 Kerajaan telah menyediakan peruntukan bagi pelaksanaan program-program berikut antaranya:

- i. Program Inisiatif Pendapatan Rakyat berjumlah RM250 juta;
- ii. pemberian bantuan tunai melalui Sumbangan Tunai Rahmah (MySTR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) berjumlah RM13 bilion;
- iii. pelaksanaan inisiatif Payung RAHMAH bagi membantu golongan B40 bersedia mendepani isu kos sara hidup dengan peruntukan RM300 juta;
- iv. pemberian bantuan tunai bulanan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merangkumi pelbagai bantuan khusus untuk isi rumah miskin tegar, OKU, warga emas dengan peruntukan RM2.9 bilion; dan

6. Di bawah *Rolling Plan* tahun 2024, sebanyak RM45 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan projek menangani kemiskinan antaranya meliputi projek menaik taraf infrastruktur luar bandar, pembinaan jalan akses, program pembangunan dan lain-lain di Temerloh.

7. Dalam mempergiatkan usaha membasmi kemiskinan, Kementerian Ekonomi melaksanakan Inisiatif Pendapatan Rakyat atau IPR iaitu merangkumi Inisiatif Usahawan Tani (INTAN), Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN). IPR merupakan pelengkap kepada program-program pembasmian kemiskinan sedia ada yang telah dilaksanakan oleh pelbagai kementerian dan agensi. Di bawah IPR, templat program meliputi ekosistem yang lengkap dibangunkan dan bantuan secara *in-kind* diberi kepada peserta bagi menyokong dan menggalakkan mereka untuk menjalankan aktiviti ekonomi bagi menjana pendapatan tambahan secara mampan.

8. Setakat ini, program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) telah dilaksanakan di Temerloh melibatkan peruntukan berjumlah RM279,310.00, dengan penyertaan oleh lapan (8) ketua isi rumah (KIR) miskin tegar di lokaliti Kampung Bolok, Temerloh. Program ini dilaksanakan secara bersasar berdasarkan profil ketua dan ahli isi rumah miskin tegar serta potensi lokaliti yang dipilih di seluruh negara.

9. Dalam usaha untuk mengembangkan pelaksanaan program ini di seluruh negara termasuk di negeri Pahang, Kerajaan dengan kerjasama rakan strategik universiti awam juga sedang memuktamadkan proses *profiling* terhadap KIR miskin tegar yang dikenal pasti untuk ditawarkan aktiviti penjanaaan pendapatan yang bersesuaian dengan latar belakang, menilai kemahiran dan minat KIR dan ahli isi rumah (AIR) miskin tegar.

10. Selain itu, program IPR ini akan dilaksanakan secara berperingkat dan turut akan memanfaatkan kawasan Parlimen Temerloh pada masa akan datang. Kerajaan mengalu-alukan kerjasama daripada Yang Berhormat untuk turut sama membantu mengenal pasti aktiviti penjanaaan pendapatan yang bersesuaian untuk dilaksanakan di kawasan parlimen Temerloh. Sebagai contoh, sekiranya ada tanah kosong atau terbiar berkeluasan sekurang-kurangnya 5 ekar yang sesuai untuk pertanian moden, Kementerian Ekonomi bersedia untuk mempertimbangkan peruntukan bagi pelaksanaan program Inisiatif Usahawan Tani (IPR - INTAN) di Temerloh bagi manfaat golongan sasar.

11. Bagi menoktahkan kemiskinan, Kerajaan akan terus berusaha untuk membantu isi rumah miskin tegar untuk keluar daripada cengkaman kemiskinan melalui pewujudan pelbagai program peningkatan pendapatan dan mencipta peluang pekerjaan. Sebagai contoh, berdasarkan data eKasih sehingga 15 Oktober 2024, bagi Daerah Temerloh sebanyak 1,317 isi rumah yang masih dalam kategori miskin dan 16 isi rumah yang dalam kategori miskin tegar. Pengenalan PADU akan membolehkan usaha membasmi kemiskinan tegar dapat dilaksanakan dengan lebih tepat berdasarkan data bagi mengurangkan sebarang keciciran dan pertindihan pemberian bantuan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 24 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan sebab-sebab pelan lencongan *domain name system* atau dikenali sebagai DNS (yang dah diberhentikan) dan apakah perancangan lain untuk mencegah jenayah siber seperti judi haram siber, laman web pornografi dan sebagainya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) komited dalam memastikan persekitaran dalam talian yang selamat dan terjamin di Malaysia, mengimbangi perlindungan pengguna internet dengan keperluan untuk akses yang lancar kepada kandungan dalam talian yang sah.

Berdasarkan rekod MCMC dari tahun 2018 sehingga 1 Oktober 2024, selaras dengan permintaan MCMC, penyedia perkhidmatan internet telah melakukan sekatan terhadap 25,120 laman sesawang melibatkan pelbagai kesalahan seperti 9,847 bagi kesalahan judi dalam talian, 7,846 bagi laman lucah dan jelik, 3,476 bagi pelanggaran hak cipta, 563 bagi pelacuran, 544 bagi penipuan atau pelaburan yang menyalahi undang-undang dan 2,844 bagi lain-lain laman sesawang memudaratkan dan merbahaya.

Tindakan sekatan terhadap laman sesawang tersebut diambil bagi melindungi pengguna dan seterusnya menyediakan persekitaran internet yang selamat kepada masyarakat. Kaedah sedia ada yang digunakan untuk sekatan tersebut adalah melalui sekatan *Domain Name System* (DNS) atau *DNS Blocking* di peringkat penyedia perkhidmatan internet dalam negara. Kaedah ini akan berfungsi sekiranya pengguna menggunakan konfigurasi automatik yang diberikan oleh penyedia perkhidmatan internet. Tetapi terdapat pengguna yang mengubah konfigurasi DNS untuk melangkau sekatan berkenaan yang mendedahkan mereka kepada kandungan terlarang.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Komunikasi dan MCMC telah melakukan kajian-kajian yang perlu mengenai pelaksanaan berfasa penghalaan semula DNS melalui libat urus membabitkan penyedia perkhidmatan internet (ISP). Hasilnya, MCMC telah mengeluarkan arahan mewajibkan semua ISP di Malaysia menghalakan semula trafik yang menggunakan pelayan DNS pihak ketiga kembali ke pelayan DNS mereka sendiri.

Walau bagaimanapun, arahan tersebut telah dibatalkan dan tindakan sekatan sedia ada akan kekal melalui kaedah sekatan DNS tanpa pengalihan trafik DNS. Kementerian Komunikasi dan MCMC akan meneruskan libat urus dengan semua pihak berkepentingan bagi memperoleh maklum balas termasuk pendekatan alternatif dalam menangani isu kandungan memudaratkan di internet serta turut mempergiat inisiatif-inisiatif kesedaran di segenap peringkat bagi mendidik masyarakat dalam aspek kawalan sendiri seterusnya menerapkan kemahiran bagi melindungi diri daripada ancaman-ancaman kemudaratkan dalam talian.

Selain itu, keperluan pelesenan ke atas penyedia perkhidmatan pesanan internet dan penyedia perkhidmatan media sosial yang telah diwartakan pada 1 Ogos 2024 dan akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2025 juga akan memastikan penyedia perkhidmatan bertanggungjawab dan memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan ekosistem dalam talian yang lebih selamat.

MCMC juga sedang membangunkan Kod Tatalaku yang yang perlu dipatuhi oleh penyedia perkhidmatan ketika beroperasi di Malaysia. Kod Tatalaku ini merangkumi antara lain, perkara-perkara seperti langkah-langkah keselamatan pengguna, langkah-langkah keselamatan kanak-kanak, kaedah pelaporan dan aduan serta akauntabiliti pihak penyedia perkhidmatan dalam menangani kemudaratkan kandungan dalam talian.

Kerajaan juga akan membentangkan Rang Undang-Undang Keselamatan Dalam Talian dalam masa terdekat, bertujuan mengekang aktiviti jenayah di media sosial dan memastikan pengendali platform media sosial lebih proaktif mengekang jenayah di platform masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM
[GUA MUSANG]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM [GUA MUSANG] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk menaik taraf jalan dan memasang lampu jalan di kampung-kampung tradisi sepanjang jajaran jalan kereta api Gua Musang bagi mengelakkan kemalangan disebabkan struktur jalan yang tidak selamat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tahun 2024 peruntukan Projek Jalan Perhubungan Desa (JPD) adalah sebanyak RM17 juta manakala Program Ameniti Sosial (PAMS) pula Kerajaan telah memperuntukan sebanyak RM6.5 juta untuk negeri Kelantan.

Pihak Yang Berhormat bolehlah mengemukakan permohonan untuk tindakan awal Kementerian. Permohonan akan dipertimbangkan sekiranya menepati skop projek JPD & PAMS KKDW tertakluk kepada kos dan peruntukan yang diluluskan oleh agensi pusat.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, bagi infrastruktur lampu jalan, di bawah Program Pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK) ia meliputi pemasangan lampu di tiang sedia ada milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) di perkampungan-perkampungan tradisional termasuk perkampungan di sepanjang jajaran jalan kereta api Gua Musang.

Walau bagaimanapun, pemasangan LJK ini adalah di dalam kawasan kampung sahaja tertakluk kepada Garis Panduan pelaksanaan seperti yang telah ditetapkan Kementerian ini dan bukan pada jalan-jalan di bawah pihak Majlis dan Jabatan Kerja Raya (JKR) serta jalan keretapi. Projek ini juga akan diteruskan pelaksanaannya pada fasa-fasa seterusnya jika masih terdapat keperluan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK
JAEM [SERIAN]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha Kementerian dalam menangani isu kekurangan jururawat di hospital-hospital Kerajaan terutamanya di Unit Kecemasan dan Trauma di negara kita bagi mengelakkan tekanan perasaan di tempat kerja akibat daripada beban kerja yang banyak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Setakat 30 Jun 2024, seramai 70,144 Jururawat masih berkhidmat di Kementerian Kesihatan. Kementerian Kesihatan juga sedang melaksanakan pengambilan menerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) bagi melantik calon Jururawat sebagai langkah untuk mengisi kekosongan perjawatan tetap Jururawat.

2. Pengambilan ini dibuat secara berfasa dalam kalangan graduan Diploma Kejururawatan daripada Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) serta graduan Diploma Kejururawatan dari Institut Latihan KKM (ILKKM). Kementerian Kesihatan akan terus melaksanakan pengambilan pada tahun 2024 dan 2025 berdasarkan kekosongan jawatan sedia ada termasuk perjawatan baharu yang diluluskan oleh agensi pusat.

3. Selain pengambilan jururawat dari kalangan graduan Diploma Kejururawatan daripada IPTA dan IPTS, Kementerian Kesihatan juga melaksanakan inisiatif seperti berikut:

- (a) bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk membatalkan moratorium pembekuan pembukaan kolej kejururawatan swasta baharu bagi meningkatkan lagi pengeluaran Jururawat tempatan. Bermula 1 Ogos 2024, Kerajaan telah bersetuju menamatkan moratorium penawaran Kursus Pengajian Baharu Kejururawatan Peringkat Diploma di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS);
- (b) menerusi SPA, Kementerian Kesihatan melaksanakan urusan pengambilan Jururawat dari kalangan graduan Diploma Kejururawatan daripada institusi pendidikan dalam negara bagi perjawatan tetap di KKM;
- (c) meningkatkan pengambilan pelatih Diploma Kejururawatan (Tajaan KKM) daripada 1,000 pelatih kepada 2,000 pelatih

setiap tahun, dan pengambilan Program Peningkatan Secara Lantikan (PSL) bagi Jururawat Masyarakat daripada 800 ke 1,000 orang setahun; dan

- (d) mengemukakan permohonan kepada agensi pusat untuk mewujudkan jawatan tambahan Jururawat. Setakat 30 Jun 2024, sebanyak 7,532 jawatan tambahan Jururawat telah diwujudkan bagi memenuhi keperluan di fasiliti baharu dan dinaik taraf yang merangkumi pewujudan sebanyak 3,418 jawatan pada tahun 2023 dan sebanyak 4,114 jawatan pada tahun 2024.

4. Bagi mengelakkan tekanan emosi di tempat kerja di kalangan pekerja kesihatan akibat daripada beban kerja yang tinggi, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan inisiatif, antaranya:

- (a) mengurangkan beban kerja yang terlalu tinggi dengan mengoptimumkan penggunaan sumber manusia lantikan tetap dan kontrak serta menggalakkan gaya hidup yang sihat serta *work-life balance*;
- (b) menyediakan ruang untuk pekerja menyuarakan dan membincang isu-isu berkaitan kerja;
- (c) mengamalkan kemahiran menyelesaikan masalah yang efektif;
- (d) menggunakan teknik komunikasi berkesan dalam membincangkan isu-isu yang menyebabkan tekanan emosi;
- (e) mengamalkan *sleep hygiene* yang bagus untuk mendapatkan tidur yang secukupnya; dan
- (f) mengamalkan teknik-teknik relaksasi atau strategi untuk meminimumkan tahan stres.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ISKANDAR DZULKARNAIN BIN
ABDUL KHALID [KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK ISKANDAR DZULKARNAIN BIN ABDUL KHALID [KUALA KANGSAR] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** peranan pihak Kementerian bagi membantu belia yang telah diselamatkan dari kejadian eksploitasi membabitkan Global Ikhwan Services Berhad Holdings (GISBH) baru-baru ini dan apakah langkah Kementerian bagi memastikan belia di negara ini tidak terjerumus dalam kancah eksploitasi kumpulan ekstrem seperti ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Belia dan Sukan sentiasa bersedia untuk memberikan kerjasama dalam intervensi terhadap kelompok belia yang terlibat dalam isu Global Ikhwan Services Berhad Holdings (GISBH). Antara inisiatif yang boleh dipertimbangkan ialah dari aspek latihan kemahiran TVET di Institusi Latihan Kemahiran Belia & Sukan (ILKBS) yang terdapat di seluruh negara, khususnya bagi kursus jangka pendek yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan membuka peluang pekerjaan kepada belia berkaitan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu ini sedang dikendalikan oleh Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE
[BATANG SADONG]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE [BATANG SADONG] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa peruntukan dan bilangan MYKiosk yang telah diwujudkan di seluruh negara dan di Sarawak secara spesifiknya. Apakah perancangan Kementerian untuk mewujudkan MYKiosk di daerah luar bandar yang juga memerlukan akses kepada kemudahan MYKiosk bagi memperkasa sosio-ekonomi peniaga kecil di kawasan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memperkenalkan Program MyKiosk yang bertujuan untuk menyediakan kemudahan infrastruktur dan ruang perniagaan yang seragam, selamat dan selesa kepada peniaga kecil dengan kadar sewa yang rendah, di samping meningkatkan taraf sosio-ekonomi penduduk setempat dan pendapatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Inisiatif ini adalah selari dengan hasrat Kerajaan MADANI ke arah pembentukan sebuah negara yang seimbang dari aspek pembangunan fizikalnya tanpa meminggirkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat.

Pada tahun **2023**, KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) telah menyediakan sebanyak **3,189 unit kiosk dengan peruntukan RM50 juta** bagi membina baharu kiosk sebagai kemudahan penjaja kecil di seluruh negara. **Daripada jumlah tersebut, peruntukan sebanyak RM6.48 juta bagi pembinaan 410 unit kiosk bagi 13 PBT telah disalurkan bagi Negeri Sarawak.**

Berdasarkan pencapaian dan penerimaan yang baik terhadap program MyKiosk, KPKT meneruskan pelaksanaannya di bawah MyKiosk 2.0 bagi tahun 2024 dengan memperuntukkan **RM100 juta dan terkini, sebanyak 4,046 unit kiosk tambahan sedang dalam proses pembinaan** di seluruh negara. Dalam hal ini, sebanyak **RM3.8 juta telah disalurkan khusus untuk Negeri Sarawak dengan pembinaan 152 unit kiosk bagi lapan (8) PBT**. Secara keseluruhannya, peruntukan sebanyak **RM10.28 juta telah disalurkan bagi pembinaan baharu 562 unit kiosk** di seluruh Negeri Sarawak bagi tahun 2023 dan 2024.

Khusus bagi kawasan Parlimen Batang Sadong pula, pada tahun 2023, KPKT telah meluluskan permohonan projek membina baharu 20 unit kiosk di seluruh kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kota Samarahan, dengan penyaluran peruntukan sebanyak RM300,000. Berdasarkan Naziran MyKiosk@KPKT bagi Tahun 2023 yang telah dilaksanakan oleh JKT, kesemua 20 unit kiosk telah beroperasi serta ditempatkan di kawasan yang strategik dan menjadi

tumpuan pengunjung.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat juga, jumlah kiosk yang diluluskan oleh KPKT adalah berdasarkan kepada permohonan oleh PBT yang memegang peranan dalam **mengenal pasti kesesuaian lokasi kiosk meliputi kawasan bandar atau luar bandar, pemilihan peniaga serta jenis perniagaan** yang akan dijalankan.

Antara lokasi strategik yang boleh dipertimbangkan oleh PBT termasuklah kawasan pelancongan, taman rekreasi, kawasan pusat komersial, berhampiran kawasan perumahan dan kawasan perindustrian.

Selanjutnya, urusan **perolehan, pemilihan kontraktor dan pemantauan kualiti kiosk juga akan dilaksanakan oleh PBT** berdasarkan kepada spesifikasi kiosk yang telah ditetapkan oleh KPKT dan jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada PBT.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI
BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTEH]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTEH] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan mengapa Malaysia masih gagal mencapai tahap SSR bagi pengeluaran padi dengan kadar tahun semasa 2024 adalah 62.4% dan sasaran 75% pada tahun 2025 walaupun hampir 40-50% peruntukan Kementerian diberikan kepada sub sektor padi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah memperkenalkan asas pengiraan baharu Kadar Sara Diri (SSR) dan *Per Capita Consumption* (PCC) beras selaras dengan piawaian yang ditetapkan oleh *Food and Agriculture Organization of the United Nations* (FAO). Pengiraan ini merujuk kepada dokumen yang dikeluarkan oleh FAO iaitu *Food Balance Sheets – A Handbook*, 2001 dan *Guidelines for the Compilation of Food Balance Sheet*, 2017 dalam menentukan konsep dan definisi yang diguna pakai di dalam pengiraan SSR dan PCC beras oleh KPKM mulai tahun ini.

Menerusi kaedah baharu ini, pihak KPKM telah melaraskan asas pengiraan pengeluaran padi pada tahun 2023 dengan mengambil kira jumlah padi bersih yang akan diproses kepada beras sahaja. Pengiraan ini tidak termasuk jumlah pengeluaran padi yang dikhususkan untuk tujuan benih pada tahun yang sama. Kaedah ini turut mengekalkan kadar faktor penukaran padi kepada beras yang digunakan pada masa ini mengikut zon iaitu Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, masing-masing pada kadar 70 peratus, 63 peratus dan 60 peratus.

Sehubungan itu, melalui pelarasan semula pengiraan SSR dan PCC beras pada tahun 2023, SSR beras adalah 56.2 peratus (kaedah baharu), manakala, PCC beras pula adalah 76.7 kg/tahun (kaedah baharu).

Data ini menunjukkan penurunan pengeluaran padi sebanyak 4.7 peratus iaitu 2,281,736 tan metrik pada tahun 2022 kepada 2,175,097 tan metrik pada tahun 2023. Keadaan ini turut menyebabkan pengeluaran beras turun kepada 1,503,151 tan metrik atau 4.6 peratus pada tahun 2023 berbanding 1,574,956 tan metrik pada tahun 2022.

Antara punca Malaysia masih belum mencapai tahap SSR terbahagi kepada dua faktor iaitu faktor dalaman dan faktor luaran.

Faktor dalaman yang menyumbang kepada kesemua penurunan ini seperti berikut:

- (i) Perubahan status guna tanah kawasan penanaman padi kepada tanaman agrikomoditi lain seperti kelapa sawit, tanaman agromakanan lain seperti sayur-sayuran dan kontan, pembangunan sosio-ekonomi seperti perumahan dan pembangunan prasarana awam seperti pembinaan lebuh raya dan pembinaan rel keretapi;
- (ii) Kejadian tanah jerlus telah menjejaskan aktiviti penanaman dan penuaian padi, seterusnya para pesawah tidak dapat menikmati hasil tuaian yang sempurna;
- (iii) Bekalan air tidak konsisten dan kebergantungan yang tinggi kepada air hujan mempengaruhi intensiti penanaman padi sehingga menyebabkan sebahagian kawasan tidak bertanam langsung;
- (iv) Intensiti penanaman padi turut dipengaruhi oleh sistem pengairan sedia ada yang efisien dan cekap dalam mengairi kawasan penanaman padi selain infrastruktur yang masih belum lengkap sepenuhnya; dan
- (v) Kedudukan sosio-ekonomi para pesawah yang terbatas akibat terlalu berusia dan tidak mempunyai modal pusingan yang mencukupi.

Manakala, faktor luaran yang menyumbang kepada kesemua penurunan SSR juga adalah seperti:

- (i) Fenomena banjir telah menyebabkan kemusnahan kepada 10,430 hektar kawasan penanaman padi pada tahun 2023 dengan anggaran hasil padi musnah sebanyak 37,308 tan metrik dengan nilai sebanyak RM35.2 juta; dan

NO SOALAN : 24

- (ii) Serangan makhluk perusak seperti ulat gulung daun dan ulat pengorek batang, serangan penyakit tanaman seperti penyakit hawar seludang dan hawar daun bakteri serta pertumbuhan rumpai yang berleluasa seperti keladi agas.

KPKM akan terus komited untuk melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan SSR beras antaranya melalui kerjasama pelbagai pihak berkepentingan termasuk dengan kerajaan negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS
[KOTA BELUD]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS [KOTA BELUD] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan secara terperinci :

- (a) 14 projek/program yang bernilai RM721.67 juta di Parlimen Kota Belud bagi tahun 2023 yang telah dilaksanakan dan statusnya (Projek Baharu/Projek Sambungan); dan
- (b) apakah projek/program yang telah dan sedang dilaksanakan di Parlimen Kota Belud bagi tahun 2024 dan statusnya (Projek Baharu/Projek Sambungan).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tahun 2023 Parlimen Kota Belud telah diluluskan **14 projek dengan kos RM721.67 juta merangkumi lima (5) projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB), enam (6) Projek Jalan Luar Bandar (JALB), dua (2) Jambatan Luar Bandar (JMLB) dan satu (1) projek Pendidikan Awal Kanak-Kanak.**

Kesemua 14 projek / program tersebut adalah dalam kategori projek sambungan dengan **tujuh (7) projek berstatus Pra Pelaksanaan, lima (5) projek berstatus dalam pelaksanaan dan dua (2) projek berstatus Pasca Pelaksanaan.**

- b) Pada tahun 2024, Parlimen Kota Belud telah diluluskan 15 projek iaitu 12 projek sambungan dan tiga (3) projek baru dengan jumlah kos projek sebanyak RM773.15 juta.

Projek sambungan yang telah diluluskan melibatkan **tujuh (7) projek JALB, empat (4) projek BALB dan satu (1) projek JMLB.** Projek baru telah diluluskan **tiga (3) projek** melibatkan **satu (1) projek JALB dan dua (2) projek JMLB.**

Status pelaksanaan projek ini adalah **sembilan (9) diperingkat Pra Pelaksanaan** iaitu dua (2) projek BALB, empat (4) projek JALB dan tiga (3) projek JMLB. Projek di peringkat **Dalam Pelaksanaan ialah lima (5) projek** iaitu satu (1) projek BALB dan empat (4) projek JALB. Terdapat **satu (1) projek BALB dengan status Pasca Pelaksanaan.**

NO SOALAN : 25

Kementerian sentiasa komited dalam membuat perancangan pembangunan desa dan wilayah yang inklusif, mampan dan holistik agar memenuhi kehendak, jangkaan dan keperluan rakyat khususnya bagi memastikan masyarakat desa juga mempunyai akses kepada infrastruktur dan kemudahan sosial yang setanding dengan kawasan bandar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
[AYER HITAM]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan status laporan kajian mengenai impak kecerdasan buatan (AI), pendigitalan dan ekonomi hijau terhadap tenaga serta pasaran kerja di Malaysia dan sejauh manakah keupayaan laporan tersebut untuk dijadikan sebagai asas terhadap pembentukan kemahiran serta pekerjaan baharu berikutan perkembangan AI di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) telah melaksanakan Kajian Impak Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence, AI), Pendigitalan dan Ekonomi Hijau ke atas tenaga kerja serta landskap pekerjaan di Malaysia bagi tempoh antara April hingga September 2024. Kajian ini dijalankan dengan objektif untuk mengenal pasti keperluan kemahiran dan kompetensi yang perlu diperkasakan bagi menghadapi perubahan dinamik dalam pasaran pekerjaan. Selain itu, kajian ini bertujuan membangunkan kerangka kemahiran dan pelan tindakan untuk intervensi yang bersesuaian terhadap pekerjaan yang terjejas oleh adaptasi AI, pendigitalan, dan ekonomi hijau.

Usaha ini juga merupakan kesinambungan kepada inisiatif Talencorp sedia ada iaitu *Malaysia Critical Occupations List* (MyCOL) yang mengenal pasti pekerjaan berpermintaan tinggi serta *Malaysia National Skills Registry* (MyNSR) yang bertindak sebagai pangkalan data kemahiran utama di Malaysia. Fasa pertama kajian memberi fokus kepada 10 sektor ekonomi utama antaranya Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Pembuatan Makanan, Aeroangkasa, Elektrikal dan Elektronik, Kewangan dan Perkhidmatan Perniagaan Global yang menyumbang lebih 60% kepada KDNK negara. Kajian ini telah melibatkan sesi libat urus dengan hampir 200 organisasi merentasi pelbagai industri. Hasil kajian akan dibentangkan pada November 2024 menerusi platform MyMahir.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
[HULU LANGAT]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN [HULU LANGAT] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah pelan tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah kesesakan di waktu puncak di Persimpangan Desa Jenaris di Kajang, Simpang Jalan ke Sungai Lalang dan simpang Pekan Semenyih di Semenyih.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan yang dimaksudkan bagi Simpang Jalan ke Sungai Lalang dan Simpang Pekan Semenyih terletak pada jalan Jalan Kuala Lumpur - Seremban (Jalan Semenyih - Kajang) (FT1). Manakala Persimpangan Desa Jenaris adalah di bawah seliaan Majlis Perbandaran Kajang di bawah kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, bidang kuasa bagi pelaksanaan projek di Persimpangan Jenaris tersebut adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Selangor.

Kementerian ini mengambil maklum masalah kesesakan yang dimaklumkan di Simpang Jalan ke Sungai Lalang dan Simpang Pekan Semenyih. Sehubungan itu, disyorkan supaya Ahli Yang Berhormat mengemukakan cadangan projek tersebut kepada pihak Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri atau JKR Negeri untuk dimasukkan dalam senarai keutamaan Negeri dalam Rolling Plan (RP) yang akan datang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prosedur bagi permohonan projek membina jalan baharu atau menaiktaraf Jalan Persekutuan sedia ada adalah melalui Kerajaan Negeri berdasarkan senarai keutamaan negeri yang dikemukakan kepada Kementerian ini melalui penyelarasan antara Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Jabatan Kerja Raya Negeri.

Kementerian ini akan meneliti cadangan projek ini apabila dimohon oleh Kerajaan Negeri berdasarkan senarai keutamaan Negeri pada masa yang akan datang dan akan diberi pertimbangan yang sewajarnya untuk diangkat kepada Agensi Pusat jika memenuhi keperluan teknikal untuk dilaksanakan, tertakluk kepada agihan peruntukan pembangunan kepada Kementerian ini.

Berdasarkan maklumat yang diterangkan tadi, Kementerian ini sentiasa terbuka untuk menerima syor atau cadangan daripada Kerajaan Negeri untuk menaik taraf atau membina baharu jalan berdasarkan senarai keutamaan daripada Negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK IR. SHAHELMEY BIN YAHYA
[PUTATAN]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK IR. SHAHELMEY BIN YAHYA [PUTATAN] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan langkah-langkah dan perancangan Kementerian untuk menambah baik dan meningkatkan pembangunan infrastruktur luar bandar di Sabah seperti jalan raya, bekalan air dan bekalan elektrik terutamanya di kawasan pedalaman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini sentiasa komited dalam menambah baik dan meningkatkan pembangunan infrastruktur luar bandar di Sabah seperti jalan raya, bekalan air dan bekalan elektrik terutamanya di kawasan pedalaman yang masih jauh ketinggalan dalam arus pembangunan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dalam memastikan kelancaran pelaksanaan projek infrastruktur luar bandar.

Prestasi pelaksanaan projek turut dipantau melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Bersama (JTB) yang dipengerusikan bersama oleh YAB Menteri KKDW dan Ketua Menteri Sabah dan Timbalan Premier Sarawak serta Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama Perancangan dan Pemantauan Projek KKDW bersama Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak yang dipengerusikan bersama oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KKDW yang telah dijadualkan dilaksanakan dua (2) kali setahun.

Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum juga, selama ini, perancangan menambah baik dan meningkatkan pembangunan infrastruktur luar bandar adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Setiap tahun melalui *Rolling Plan*, Kementerian ini akan menerima permohonan projek daripada Kerajaan Negeri mengikut senarai keutamaan dan permohonan kepada Kementerian Ekonomi oleh Kerajaan diangkat berdasarkan senarai ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Antara langkah untuk menyegerakan pelaksanaan projek-projek infrastruktur adalah dengan menyambut baik pengiktirafan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di Sabah dan Sarawak sebagai Jabatan Teknik. Dengan pengiktirafan ini, Kerajaan Sabah dan Sarawak diberi kuasa untuk memuktamadkan proses perolehan projek yang bernilai RM50 juta dan ke bawah.

Kementerian juga sedang mengambil tindakan untuk menambah baik Garis Panduan Pelaksanaan Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) bagi memastikan objektif projek tercapai dan memberi manfaat kepada golongan sasar yang terlibat.

Pada masa yang sama, bagi membantu Kerajaan Negeri membuat perancangan infrastruktur luar bandar yang holistik dan sistematik, Kementerian ini telah mengambil inisiatif untuk menyediakan Pelan Induk dan Pemetaan Rangkaian Jalan Luar Bandar (JALB) bagi mengenal pasti rangkaian jalan luar bandar untuk dibina baharu dan dinaik taraf oleh Kerajaan Negeri dan Kementerian untuk tempoh 10 tahun yang akan datang. Penyediaan Pelan Induk dan Pemetaan ini akan bermula dengan Negeri Sabah sebagai kajian rintis sebelum diperluas pelaksanaannya di semua negeri. Sepanjang penyediaan pelan induk ini, Kerajaan Negeri dan agensi-agensi negeri akan terlibat secara aktif dalam memastikan pelan induk yang disediakan menepati rancangan struktur negeri, rancangan wilayah dan rancangan tempatan di peringkat negeri selaras dengan pembangunan jalan-jalan utama di peringkat Persekutuan.

Berdasarkan perancangan Kementerian, penyediaan pelan induk dan pemetaan JALB negeri Sabah akan dapat disiapkan pada tahun 2026.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR BIN MOHD
DELI [JEMPOL]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR BIN MOHD DELI [JEMPOL] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah jaminan kementerian tidak mengulangi tindakan mewajibkan semua penyedia perkhidmatan internet (ISP) di Malaysia melakukan penghalaan semula Sistem Nama Domain (DNS) dan seterusnya apakah tindakan kementerian dalam mencari kaedah terbaik bagi membanteras kandungan lucah, penipuan, perjudian dan sebagainya di samping menangani isu keselamatan atas talian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) komited dalam memastikan persekitaran dalam talian yang selamat dan terjamin di Malaysia, mengimbangi perlindungan pengguna internet dengan keperluan untuk akses yang lancar kepada kandungan dalam talian yang sah.

Berdasarkan rekod MCMC dari tahun 2018 sehingga 1 Oktober 2024, selaras dengan permintaan MCMC, penyedia perkhidmatan internet telah melakukan sekatan terhadap 25,120 laman sesawang melibatkan pelbagai kesalahan seperti 9,847 bagi kesalahan judi dalam talian, 7,846 bagi laman lucah dan jelik, 3,476 bagi pelanggaran hak cipta, 563 bagi pelacuran, 544 bagi penipuan atau pelaburan yang menyalahi undang-undang dan 2,844 bagi lain-lain laman sesawang memudaratkan dan merbahaya.

Tindakan sekatan terhadap laman sesawang tersebut diambil bagi melindungi pengguna dan seterusnya menyediakan persekitaran internet yang selamat kepada masyarakat. Kaedah sedia ada yang digunakan untuk sekatan tersebut adalah melalui sekatan *Domain Name System* (DNS) atau *DNS Blocking* di peringkat penyedia perkhidmatan internet dalam negara. Kaedah ini akan berfungsi sekiranya pengguna menggunakan konfigurasi automatik yang diberikan oleh penyedia perkhidmatan internet. Tetapi terdapat pengguna yang mengubah konfigurasi DNS untuk melangkau sekatan berkenaan yang mendedahkan mereka kepada kandungan terlarang.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Komunikasi dan MCMC telah melakukan kajian-kajian yang perlu mengenai pelaksanaan berfasa penghalaan semula DNS melalui libat urus membabitkan penyedia perkhidmatan internet (ISP). Hasilnya, MCMC telah mengeluarkan arahan mewajibkan semua ISP di Malaysia menghalakan semula trafik yang menggunakan pelayan DNS pihak ketiga kembali ke pelayan DNS mereka sendiri.

Walau bagaimanapun, arahan tersebut telah dibatalkan dan tindakan sekatan sedia ada akan kekal melalui kaedah sekatan DNS tanpa pengalihan trafik DNS. Kementerian Komunikasi dan MCMC akan meneruskan libat urus dengan semua pihak berkepentingan bagi memperoleh maklum balas termasuk pendekatan alternatif dalam menangani isu kandungan memudaratkan di internet serta turut mempergiat inisiatif-inisiatif kesedaran di segenap peringkat bagi mendidik masyarakat dalam aspek kawalan sendiri seterusnya menerapkan kemahiran bagi melindungi diri daripada ancaman-ancaman kemudaratkan dalam talian.

Selain itu, keperluan pelesenan ke atas penyedia perkhidmatan pesanan internet dan penyedia perkhidmatan media sosial yang telah diwartakan pada 1 Ogos 2024 dan akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2025 juga akan memastikan penyedia perkhidmatan bertanggungjawab dan memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan ekosistem dalam talian yang lebih selamat.

MCMC juga sedang membangunkan Kod Tatalaku yang perlu dipatuhi oleh penyedia perkhidmatan ketika beroperasi di Malaysia. Kod Tatalaku ini merangkumi antara lain, perkara-perkara seperti langkah-langkah keselamatan pengguna, langkah-langkah keselamatan kanak-kanak, kaedah pelaporan dan aduan serta akauntabiliti pihak penyedia perkhidmatan dalam menangani kemudaratkan kandungan dalam talian.

Kerajaan juga akan membentangkan Rang Undang-Undang Keselamatan Dalam Talian dalam masa terdekat, bertujuan mengekang aktiviti jenayah di media sosial dan memastikan pengendali platform media sosial lebih proaktif mengekang jenayah di platform masing-masing.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAHI]

TARIKH : 24 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHA KEE CHIN [RASAHI] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan situasi terkini isu kelewatan penghantaran bekalan baja kepada para pesawah. Nyatakan:

- (a) punca kepada masalah ini dan apakah tindakan yang telah dilakukan untuk mengatasi masalah kali ini; dan
- (b) perencanaan pihak Kerajaan untuk mengelakkan masalah ini daripada berulang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara punca menyebabkan kelewatan pembekalan baja bersubsidi berlaku adalah gangguan rantaian bekalan bahan mentah yang diperolehi dari luar negara. Selain itu, kelewatan pembekalan turut berlaku disebabkan pesawah melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) telah membuat pesanan terlalu awal iaitu 2-3 bulan daripada tarikh keperluan sebenar penggunaan baja tersebut.

Bagi mengatasi masalah ini, beberapa langkah telah diambil oleh pihak KPKM antaranya ialah:

- (i) Pelancaran Kempen Ke Arah '*Zero Late Delivery*' pada 23 Jun 2023 oleh YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Kempen ini terbukti dapat meningkatkan kecekapan pembekalan baja kepada secara purata 10 hari lebih awal dari tempoh pembekalan tamat. Mengambil kira keberkesanan kempen ini, pihak Kementerian akan memastikan agar kempen ini dapat diteruskan oleh pihak pembekal;
- (ii) Kerajaan akan menambah baik proses perolehan kontrak pembekalan baja agar memenuhi keperluan mengikut kawasan dan musim serta faktor luar jangka seperti *climate change*;
- (iii) KPKM juga telah mengeluarkan surat peringatan kepada pembekal dan mengenakan denda atas kelewatan pembekalan yang telah berlaku.

NO SOALAN : 30

- (b) Untuk penyelesaian jangka masa panjang, KPKM mencadangkan agar pembekal baja mengadakan perancangan awal melibatkan bekalan bahan mentah, meningkatkan kecekapan logistik serta penyediaan *stockpile* bekalan baja yang mencukupi dengan mengambil kira keperluan mengikut kawasan dan musim. Perkara ini dapat membantu untuk meningkatkan kecekapan pengeluaran baja dan mengurangkan tempoh penghantaran kepada pesawah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN RIDUAN BIN RUBIN [TENOM]

TARIKH : 24 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN RIDUAN BIN RUBIN [TENOM] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah kementerian akan menaik taraf infrastruktur dan fasiliti kesihatan di Hospital Tenom yang telah usang termasuk penambahan peralatan moden dan peningkatan kapasiti petugas bagi memastikan mutu perkhidmatan kesihatan yang terbaik dan menyeluruh dapat diberikan kepada para penduduk.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Hospital Tenom merupakan hospital tanpa pakar berkapasiti 63 buah katil. Kadar penggunaan katil pada tahun 2023 adalah sebanyak 36.3% .
2. Sepanjang tahun 2023-2024, Hospital Tenom telah menerima peruntukan sebanyak RM1,345,220.00 bagi projek menaik taraf infrastruktur di hospital tersebut.
3. Kementerian Kesihatan (KKM) juga telah merangka inisiatif bagi menaik taraf infrastruktur bagi semua fasiliti KKM menerusi Pelan Induk Perancangan Fasiliti KKM. Pelaksanaan inisiatif ini akan dilakukan secara berfasa dan bergantung kepada peruntukan pembangunan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.
4. Setakat 30 Jun 2024, seramai 250 pegawai sedang berkhidmat di Hospital Tenom meliputi 232 pegawai lantikan tetap dan 18 pegawai lantikan kontrak. Perincian pengisian pegawai mengikut skim perkhidmatan di Hospital Tenom adalah:
 - (i) 18 Pegawai Perubatan;
 - (ii) 5 Pegawai Pergigian;
 - (iii) 11 Pegawai Farmasi;
 - (iv) 23 Penolong Pegawai Perubatan;
 - (v) 67 Jururawat; dan
 - (vi) 126 lagi adalah pegawai dari skim perkhidmatan lain.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Bagi perolehan peralatan perubatan, Hospital Tenom telah menerima peruntukan sebanyak RM432,600.00 bagi tempoh 2020 hingga 2024. Peruntukan ini digunakan bagi perolehan peralatan perubatan baharu dan penggantian alatan perubatan usang seperti mesin fisioterapi, mesin dialisis, ECG dan peti sejuk forensik.

6. KKM sentiasa memastikan keperluan peralatan perubatan di hospital-hospital KKM dapat disediakan dengan sebaiknya. Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh KKM adalah melaksanakan perolehan alat secara sebut harga atau tender secara berpusat, perolehan secara sewaan (*leasing*) dan penggantian peralatan yang diperakukan di bawah Rancangan Malaysia (RMK).

7. Berhubung cadangan untuk meningkatkan jumlah kapasiti petugas di Hospital Tenom, keperluan sebenar tenaga kerja pada satu-satu masa dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti jumlah dan waktu puncak kedatangan pesakit, jenis kes yang dirujuk serta beban kerja yang diterima pada satu-satu masa. Buat masa ini, penetapan keperluan tenaga kerja dibuat berdasarkan norma dan *outfit* perjawatan serta mengambil kira beban kerja. Selain itu, keperluan tambahan tenaga kerja diuruskan menerusi penempatan pegawai lantikan kontrak (*contract of service*), mobilisasi pegawai dalam lingkungan hospital kluster dan pertukaran pegawai ke fasiliti yang lebih memerlukan.

8. KKM sentiasa meneliti keperluan tenaga kerja dan sumber-sumber lain bagi memastikan penyampaian perkhidmatan di Hospital Tenom lebih berkualiti, cekap dan berkesan. Sebagai contoh, seramai 3,200 pegawai perubatan kontrak dan lebih 900 jururawat (keluaran institut pendidikan tinggi swasta) akan dilantik antara November hingga Disember 2024 dengan sebahagiannya akan ditempatkan di Sabah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ADNAN BIN HAJI ABU HASSAN
[KUALA PILAH]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' HAJI ADNAN BIN HAJI ABU HASSAN [KUALA PILAH] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan perancangan Kementerian untuk membina semula Bangunan MARA Kuala Pilah yang telah dirobuhkan sejak tahun 2015 agar dapat memberi manfaat kepada penduduk setempat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan pembinaan semula Arked MARA Kuala Pilah pada ketika ini masih dalam tindakan diperingkat penyediaan permohonan peruntukan pembangunan Rolling Plan Satu (RP1) 2026 Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13).

Projek baharu ini disenaraikan sebagai keperluan tinggi agensi (*must have*) bagi memberi manfaat kepada penduduk setempat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS
TANGAU [TUARAN]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [TUARAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status ambulans yang telah diluluskan di Klinik Kesihatan Simpangan, Pekan Nabalu. Apakah masalah sehingga kenderaan itu belum dihantar sehingga kini dan bilakah kenderaan tersebut akan dihantar ke Klinik Kesihatan berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Klinik Kesihatan Simpangan, Tuaran merupakan klinik yang telah dinaik taraf perkhidmatan daripada status sebagai Klinik Desa kepada Klinik Kesihatan. Perkhidmatan Klinik Kesihatan Simpangan kini menawarkan perkhidmatan pesakit luar, perkhidmatan kesihatan ibu dan anak dan juga perkhidmatan kecemasan. Kementerian Kesihatan sentiasa komited untuk memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan mudah diakses oleh rakyat. Penyampaian kesihatan ini termasuklah perkhidmatan ambulans untuk rujukan kes kecemasan.
2. Berdasarkan kepada faktor bentuk muka bumi di kawasan operasi yang berbukit, Klinik Kesihatan Simpangan lebih sesuai dibekalkan dengan kenderaan ambulans jenis pacuan empat roda. Memandangkan perolehan yang sedang dilaksanakan oleh KKM pada masa ini adalah memfokuskan kepada ambulans jenis van, perolehan kenderaan ambulans jenis pacuan empat roda akan dilaksanakan pada masa akan datang.
3. Pada masa ini, kes-kes kecemasan di Klinik Kesihatan Simpangan akan dirujuk menerusi penggunaan perkhidmatan ambulans dari Klinik Kesihatan Kundasang (jarak 20.2 KM), Klinik Kesihatan Bundu Tuhan (jarak 15.1 KM) dan Klinik Kesihatan Tamparuli (jarak 40.3 KM), sama ada secara panggilan terus antara fasiliti atau melalui *Medical Emergency Coordinating Centre* (MECC).
4. Untuk makluman juga, Kementerian Kesihatan telah diluluskan pembekalan sejumlah 590 unit ambulans baharu jenis van yang sedang dalam proses agihan kepada hospital dan klinik kesihatan di seluruh negara. Projek perolehan ambulans baharu ini adalah bagi menggantikan kenderaan ambulans yang telah uzur dan dilupuskan. Di bawah projek ini, sebanyak 33 unit kenderaan ambulans jenis van akan diagihkan ke klinik-klinik kesihatan di Sabah secara berfasa pada tahun 2025.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN YOUNG SYEFURA BINTI
OTHMAN [BENTONG]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN [BENTONG] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM40 juta untuk program podium di dalam Belanjawan 2024. Apakah status kejayaan program podium setakat ini dan apakah sasaran Kementerian bagi tahun 2025.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Majlis Sukan Negara Malaysia (MSN) sentiasa bekerjasama dengan Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) dalam mengawal selia Program Podium bagi memastikan prestasi atlet-atlet negara berada di tahap yang terbaik. Bagi tahun 2024, sebanyak RM60 juta telah diperuntukkan di bawah Belanja Pembangunan (DE), Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Berikut adalah beberapa kejayaan yang telah capai oleh atlet negara melalui Program Podium :

- 1) seramai 71 atlet menduduki kedudukan ke-10 terbaik dunia pada tahun 2024 menerusi sukan badminton, wushu, silat olahraga, sepak takraw, bina badan, tenpin boling, berbasikal-trek, angkat berat serta akuatik-terjun;
- 2) bagi sukan para pula, seramai 23 atlet para menduduki kedudukan ke-10 terbaik dunia pada tahun 2024 menerusi sukan akuatik renang, para badminton, powerlifting, para olahraga serta para berbasikal;
- 3) atlet para negara Bonnie Bunyau Anak Gustin dari sukan powerlifting telah mencipta rekod dunia dan rekod temasya semasa Sukan Paralimpik Paris 2024 dengan angkatan 232 kg;

- 4) Pearly Tan dan M. Thinaah mencatatkan sejarah apabila menjadi beregu wanita pertama negara yang layak ke peringkat separuh akhir sukan badminton dalam Sukan Olimpik; dan
- 5) Mohamad Aniq bin Kasdan membuat penampilan pertama di pentas Sukan Olimpik 2024 telah menduduki tempat ke-4 keseluruhan menerusi sukan angkat berat serta berjaya memecahkan 2 rekod kebangsaan.

Bagi tahun 2025, sasaran atlet Program Podium adalah mempamerkan prestasi yang terbaik serta berpotensi untuk meraih pingat dalam temasya antarabangsa pada tahun 2025 antaranya seperti Temasya Sukan SEA/Para ASEAN Thailand 2025, 6th Islamic Solidarity Games di Youndae Republic of Cameroon, Asian Winter Games di China serta kejohanan-kejohanan antarabangsa yang lain seperti 7th Asian Indoor & Martial Art Games di Arab Saudi dan 4th Asian Youth Games di Uzbekistan.

Kementerian melalui Majlis Sukan Negara dalam proses untuk menetapkan sasaran Program Podium bagi tahun 2025. Walau bagaimanapun, Kementerian akan memperbaiki kedudukan negara di Temasya Sukan SEA/ Para ASEAN Thailand 2025 berbanding di Temasya Sukan SEA yang lepas, meningkatkan bilangan atlet yang berada di kedudukan ke-10 terbaik dunia serta memperbanyakkan lagi bilangan atlet di bawah Program Podium.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO ANYI NGAU [BARAM]

TARIKH : 24 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO ANYI NGAU [BARAM] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status terkini mengenai projek pelaksanaan Jalan Lapok-Long Jegan serta Jalan Belasoj, Marudi di kawasan Parlimen Baram.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Menaiktaraf Bekas Jalan Balak Dari Lapok Ke Long Aya (Fasa 1: Lapok Ke Long Teran), Baram, Bahagian Miri, Sarawak telah diluluskan pada tahun 2024 di bawah RP4, RMKe-12 dengan kos projek sebanyak RM231 juta.

Projek ini telah melalui Makmal Kajian Nilai pada 8 hingga 10 Mei 2024 dan projek ini telah dipinda nama kepada Projek Menaiktaraf Bekas Jalan Balak Dari Long Jegan Ke Long Aya, Baram, Bahagian Miri, Sarawak. Ini adalah berikutan pertindihan jajaran yang telah diluluskan di bawah peruntukan Kerajaan Negeri Sarawak iaitu dari Lapok ke Jegan.

Skop projek terkini adalah menaik taraf jalan tanah/batu sedia ada sepanjang 34km kepada jalan berturap selebar 6m dengan mengikut spesifikasi piawaian JKR R1 serta pembinaan tiga (3) buah jambatan konkrit. Status semasa projek adalah di peringkat pra pelaksanaan dan masih belum diluluskan permohonan pertapakan. Agensi pelaksana projek ini adalah Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak.

Manakala bagi projek Membina Jalan Belasoi, Marudi, Bahagian Miri, Sarawak pula telah diluluskan pada tahun 2021, di bawah RP1, RMKe-12 dengan kos projek sebanyak RM36 juta. Skop terkini projek adalah membina jalan berturap sepanjang 4.5km dengan lebar 6m JKR standard R1 dan beberapa buah jambatan. Status semasa projek adalah telah sedia untuk ditender, bagaimanapun masih menunggu kelulusan pertapakan daripada Majlis Perancang Negeri Sarawak (SPA). Agensi Pelaksana projek adalah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. WEE JECK SENG
[TANJUNG PIAI]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SRI DR. WEE JECK SENG [TANJUNG PIAI] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan status terkini usaha pendigitalan industri perikanan di kalangan para nelayan tempatan dan apakah faktor yang menyebabkan masih ramai nelayan tempatan tidak menggunakan aplikasi MyIsytihar yang dibangunkan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah memperkenalkan aplikasi Mylsytihar LKIM bermula 1 September 2022 sebagai satu pengembangan kepada modul pengisytiharan pendaratan ikan sedia ada yang memberikan kemudahan kepada golongan nelayan untuk mengisytiharkan sendiri hasil tangkapan menggunakan telefon pintar. Sehingga kini, seramai 16,441 orang pengguna telah berdaftar untuk menggunakan aplikasi Mylsytihar LKIM sejak ia diperkenalkan.

Bagi tempoh Januari hingga September 2024, sebanyak 13,064 buah vesel nelayan telah mengisytiharkan hasil tangkapan menggunakan aplikasi ini diseluruh negara dengan melibatkan sebanyak 142 buah vesel direkodkan di Parlimen Tanjung Piai.

LKIM telah melaksanakan pelbagai usaha bagi meningkatkan penggunaan Mylsytihar LKIM di kalangan nelayan tempatan meliputi:

- (i) pelaksanaan program advokasi dan penerangan di lapangan bagi tujuan mendidik nelayan tentang cara menggunakan aplikasi Mylsytihar LKIM serta manfaatnya;
- (ii) menyediakan bahan panduan yang mudah difahami mengenai langkah-langkah penggunaan aplikasi melalui video tutorial dan manual pengguna; dan
- (iii) mengadakan program mempromosikan penggunaan aplikasi Mylsytihar LKIM melalui video promosi di platform media sosial serta poster hebahan di kawasan nelayan.

Berdasarkan soal selidik yang telah dilaksanakan oleh pihak LKIM bagi tujuan penambahbaikan aplikasi Mylsytihar LKIM, punca utama nelayan tidak menggunakan aplikasi ini adalah seperti berikut:

- (i) sebanyak 28 peratus nelayan tidak celik IT yang menyukarkan mereka memahami fungsi aplikasi tersebut sekali gus menghalang mereka daripada menggunakan kemudahan yang disediakan;
- (ii) terdapat sebanyak 34 peratus nelayan yang tidak memiliki telefon pintar akibat kekangan kewangan dan ketersediaan peralihan ke arah pendigitalan yang memaksa mereka kekal membuat pengisytiharan di Pusat Pengisytiharan LKIM sedia ada; dan
- (iii) terdapat sebanyak 15 peratus nelayan yang terkesan dengan masalah liputan internet terutama di kawasan pedalaman dan perkampungan nelayan yang terpencil menghalang nelayan daripada menggunakan aplikasi secara efektif.

Hasil pemerhatian dan pemantauan yang dibuat, mendapati kebanyakan nelayan yang menggunakan aplikasi ini adalah dari negeri yang mempunyai keluasan kawasan yang besar seperti Sabah dan Sarawak serta jauh daripada pusat pengisytiharaan sedia ada. Ini jelas menunjukkan keperluan kepada penggunaan aplikasi ini dan sekiranya tidak dilaksanakan memungkinkan kesan kepada pengumpulan data pendaratan yang tidak menyeluruh. Oleh kerana aplikasi ini belum digunakan sepenuhnya oleh nelayan, LKIM sedang memantau, meneliti dan menambahbaik kaedah sedia ada bagi memastikan data pengisytiharan yang diperoleh sentiasa mewakili hasil tangkapan yang didaratkan oleh nelayan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL [AMPANG]

TARIKH : 24 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL [AMPANG] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan impak Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 terhadap pemartabatan kedudukan sosioekonomi Bumiputera terutama di pinggir bandar, luar bandar dan pedalaman dalam sektor dan industri baharu dengan nilai ditambah tinggi termasuk industri *High Growth, High Value* tanpa menafikan hak komuniti lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, YAB Perdana Menteri pada 19 Ogos 2024 telah melancarkan Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) yang bertemakan Penyertaan, Pemilikan dan Penguasaan Bumiputera yang lebih bermakna bagi mengangkat darjat dan martabat Bumiputera. PuTERA35 memberi penekanan terhadap tiga teras utama, iaitu Memperkukuh Pasak Ekonomi Negara; Memperteguh Kerukunan Tatakelola dan Institusi dan Menegakkan Keadilan Sosial. Teras ini disokong oleh 12 pemacu dan 132 ikhtiar dalam menangani isu dan cabaran Bumiputera.

2. PuTERA35 bukan sahaja satu pelan ekonomi eksklusif untuk masyarakat Bumiputera sahaja, sebaliknya pelan ini akan membantu memacu ekonomi majoriti rakyat terbanyak yang terpinggir terutama masyarakat di pinggir bandar, luar bandar dan pedalaman. Kerajaan terus komited dalam memartabatkan kedudukan sosioekonomi Bumiputera dalam sektor dan industri baharu dengan nilai ditambah tinggi termasuk industri *High Growth, High Value* (HGHV). Oleh itu, di bawah PuTERA35, Kerajaan telah merangka beberapa ikhtiar dalam memperkasakan Bumiputera luar bandar dalam sektor dan industri baharu dengan nilai ditambah tinggi seperti berikut:

- i) merekayasa ekonomi luar bandar melalui perluasan akses kepada pembiayaan alternatif dan penglibatan di dalam Industri HGHV terutamanya peralihan tenaga dan pertanian pintar serta penanaman herba bernilai tinggi;
- ii) memperkasakan hab logistik untuk meningkatkan infrastruktur dan agensi pemasaran/ pengedaran sedia ada di luar bandar;
- iii) memperluaskan Inisiatif Malaysia Digital ke luar bandar dan negeri kurang membangun bagi membolehkan Bumiputera mendapat manfaat daripada pelaburan baharu berkaitan teknologi dan pendigitalan;

- iv) mengkaji penetapan syarat kepada syarikat swasta supaya menyumbang dan memajukan komuniti Bumiputera dan kawasan luar bandar, termasuk kepada Orang Asli dan kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak; dan
- v) Merangka pelan pembangunan luar bandar yang lebih komprehensif.

3. Kerajaan juga turut menggariskan 11 sektor berpotensi yang boleh dimanfaatkan oleh Bumiputera terhadap peluang yang wujud melalui tumpuan dan penekanan yang diberikan oleh Kerajaan bagi pembangunan sektor dan industri. Sektor dan industri ini dikenal pasti berdasarkan potensi Bumiputera dalam menjana aktiviti bernilai ditambah tinggi; penggunaan teknologi termaju; penyelidikan dan pembangunan inovasi; pekerjaan berkemahiran tinggi yang menyumbang kepada peningkatan penyertaan serta penglibatan Bumiputera dalam industri HGHV. Antara sektor berpotensi ini termasuklah industri HGHV berasaskan peralihan tenaga, industri teknologi dan digital, pertanian dan industri asas tani, industri khidmat jagaan, industri modal teroka dan ekuiti persendirian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHOW KON YEOW [BATU KAWAN] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perkembangan pelaksanaan 1,000 unit rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) di Pulau Pinang termasuk PPR Kepala Batas. Apakah perancangan Kementerian termasuk usaha meningkatkan lagi pembekalan unit PPR di Pulau Pinang dalam tempoh lima tahun akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) komited melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan rakyat mendapat akses terhadap perumahan yang berkualiti dan mampu dimiliki, selaras dengan nilai teras “Kesejahteraan” di bawah kerangka Malaysia MADANI. Dalam hal ini, Kerajaan **telah meluluskan satu (1) projek Program Residensi Rakyat (PRR) di Daerah Seberang Perai Utara iaitu PRR Kepala Batas pada tahun 2022 dan satu (1) projek PRR di Daerah Timur Laut, Pulau Pinang iaitu PRR Kota Giam, Jelutong pada tahun 2023.** Cadangan komponen pembangunan bagi projek PRR berkenaan adalah melibatkan **500 unit rumah pangsa berbilang tingkat bagi setiap satunya, berserta kemudahan asas seperti dewan, surau, tadika, taska, kedai dan gerai.** Ini menjadikan **jumlah keseluruhan PRR** yang akan dibina di Pulau Pinang adalah **1,000 unit.**

Kedua-dua projek PRR ini yang dilaksanakan secara **Tender Terbuka (Pra Kelayakan)** akan dibawa ke **Makmal Pengurusan Nilai (Value Assessment Lab)** yang dijangka akan diadakan pada bulan **November 2024.** Manakala, **Surat Setuju Terima (SST)** pula dijangka dikeluarkan pada **pertengahan 2025** dan **tarikh jangka siap projek** adalah pada **pertengahan 2028.**

Di bawah **Belanjawan 2025,** sebanyak **dua (2) projek PRR baharu** telah diumumkan oleh Kerajaan MADANI, termasuk **satu (1) projek di Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.**

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat juga, sehingga kini **Kerajaan telah pun menyiapkan pembinaan empat (4) projek Program Perumahan Rakyat (PPR)** di Negeri Pulau Pinang iaitu **PPR Jalan Thamby, Butterworth (Taman Bagan Jaya), PPR Kampung Tok Suboh, Seberang Perai Tengah, PPR Mak Mandin,**

Butterworth dan PPR Lorong Selamat, Georgetown (PPR Taman Manggis). Jumlah keseluruhan unit yang telah siap dibina adalah sebanyak **999 unit**.

Dalam usaha memperbanyakkan bekalan PRR sama ada di Pulau Pinang atau seluruh negara, Kementerian sentiasa terbuka menerima cadangan tapak bagi pelaksanaan PRR baharu daripada pihak Kerajaan Negeri. KPKT akan mengemukakan permohonan bajet PRR baharu kepada Kementerian Ekonomi (KE) sekiranya tapak yang diserahkan oleh Kerajaan Negeri telah selesai semua urusan hak milik, sama ada diberikan secara percuma atau pada kadar nominal kepada KPKT, mempunyai keadaan fizikal yang baik, lokasi yang strategik serta bebas daripada sebarang bebanan tapak (*free from encumbrances*). Namun, kelulusan bajet ini adalah tertakluk kepada pertimbangan KE selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHIEW CHOON MAN [MIRI]

TARIKH : 24 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHIEW CHOON MAN [MIRI] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan pendirian Kementerian mengenai usaha meningkatkan jumlah siling peruntukan yang diberikan kepada Kerajaan Sarawak bagi tujuan pembayaran elaun pengerusi dan setiausaha JKKK, supaya elaun pengerusi dan setiausaha JKKK dapat dinaikkan setara dengan kenaikan gaji yang dinikmati oleh penjawat awam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk maklumat, pada tahun 2024 Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) telah memperuntukkan sejumlah RM77,170,400.00 bagi tujuan bayaran elaun kepada semua Pengerusi dan Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Sarawak (Kuota keseluruhan JKKK – 5,976). Kadar bayaran elaun bulanan kepada Pengerusi adalah berjumlah RM500 manakala Setiausaha adalah sebanyak RM300 sebulan.

Kementerian mengambil maklum tentang cadangan supaya kadar elaun ini disemak semula selaras dengan kenaikan gaji penjawat awam bermula pada akhir tahun ini. Walaubagaimanapun, untuk makluman bayaran elaun untuk Pengerusi dan Setiausaha JKKK Sarawak hanyalah bersifat suguhati dan bukan gaji.

Sebelum itu, Kementerian ini juga telah mengemukakan permohonan semakan kenaikan kadar elaun kepada Jemaah Menteri pada 12 Julai 2023, walau bagaimanapun, mengambil kira kekangan kewangan semasa negara ketika itu, cadangan ini terpaksa ditangguhkan. Kementerian akan sentiasa berusaha berbincang dengan pihak Kementerian Kewangan (MoF) untuk melihat kepada peluang dan kaedah supaya kadar bayaran elaun bulanan ini dapat disemak kepada kadar yang lebih tinggi untuk masa-masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

**DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU] minta
MENTERI EKONOMI menyatakan :**

- (a) berapa kadar peratusan kelahiran hidup rakyat Malaysia mengikut jantina dan kaum pada suku ketiga tahun 2024 berbanding dengan tempoh yang sama tahun 2022 dan 2023; dan
- (b) berapa jumlah penduduk Malaysia mengikut jantina kaum pada suku kedua tahun 2024 berbanding dengan tempoh yang sama tahun 2022 dan 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kadar kelahiran rakyat Malaysia pada tahun 2024 adalah 3.0 kelahiran bagi setiap 1,000 penduduk. Manakala kadar kelahiran bagi jantina perempuan adalah lebih tinggi daripada kadar kelahiran bagi jantina lelaki iaitu 3.0 kelahiran bagi setiap 1,000 penduduk berbanding 2.9 kelahiran bagi setiap 1,000 kelahiran bagi perempuan. Peratusan kelahiran hidup pada suku tahun kedua 2024 merekodkan penurunan 10.2 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun 2023. Peratusan kelahiran hidup bagi jantina lelaki menurun lebih banyak iaitu 10.8 peratus berbanding 9.6 peratus bagi jantina perempuan. Kadar kelahiran kasar ini turut merekodkan 3.4 kelahiran pada suku tahun kedua 2023 bagi setiap 1,000 penduduk.

Jadual 1: Statistik kelahiran mengikut jantina bagi tahun 2022 - 2024

| ST2 | Jantina | Bilangan | Peratus perubahan (YoY) | Kadar kelahiran |
|------|-----------|----------|-------------------------|-----------------|
| 2022 | Jumlah | 93,799 | -15.2 | 2.9 |
| | Lelaki | 48,491 | -14.7 | 2.8 |
| | Perempuan | 45,308 | -15.8 | 2.9 |
| 2023 | Jumlah | 112,197 | 19.6 | 3.4 |
| | Lelaki | 58,051 | 19.7 | 3.3 |
| | Perempuan | 54,146 | 19.5 | 3.4 |
| 2024 | Jumlah | 100,732 | -10.2 | 3.0 |
| | Lelaki | 51,759 | -10.8 | 2.9 |
| | Perempuan | 48,973 | -9.6 | 3.0 |

Nota: Kadar kelahiran bagi setiap 1,000 penduduk

Jadual 2: Statistik kelahiran mengikut kumpulan etnik/kaum

| ST2 | Etnik/kaum | Bilangan | Peratus perubahan (YoY) | Kadar kelahiran |
|------|-----------------|----------|-------------------------|-----------------|
| 2022 | Jumlah | 93,799 | -15.2 | 2.9 |
| | Melayu | 65,389 | -14.3 | 3.8 |
| | Bumiputera Lain | 11,852 | -14.4 | 3.2 |
| | Cina | 8,335 | -24.3 | 1.2 |
| | India | 3,665 | -16.6 | 1.8 |
| | Lain-lain | 4,558 | -11.5 | 1.7 |
| 2023 | Jumlah | 112,197 | 19.6 | 3.4 |
| | Melayu | 75,263 | 15.1 | 4.3 |
| | Bumiputera Lain | 14,090 | 18.9 | 3.8 |
| | Cina | 11,077 | 32.9 | 1.6 |
| | India | 4,884 | 33.3 | 2.4 |
| | Lain-lain | 6,883 | 51.0 | 2.2 |
| 2024 | Jumlah | 100,732 | -10.2 | 3.0 |
| | Melayu | 67,859 | -9.8 | 3.8 |
| | Bumiputera Lain | 12,991 | -7.8 | 3.5 |
| | Cina | 9,786 | -11.7 | 1.4 |
| | India | 3,763 | -23.0 | 1.9 |
| | Lain-lain | 6,333 | -8.0 | 1.7 |

Nota:

1. Lain-lain termasuk Bukan warganegara
2. Kadar kelahiran bagi setiap 1,000 penduduk

2. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, statistik jumlah penduduk Malaysia mengikut jantina dan etnik pada suku kedua 2024 berbanding dengan tempoh yang sama tahun 2022 dan 2023 adalah seperti di **Jadual 3**.

Jadual 3: Penduduk Warganegara mengikut kumpulan etnik ('000)

| Tahun/Etnik | ST2/2022 | | | ST2/2023 | | | ST2/2024 ^P | | |
|--------------------------|----------|----------|-----------|----------|----------|-----------|-----------------------|----------|-----------|
| | Jumlah | L'laki | Perempuan | Jumlah | Lelaki | Perempuan | Jumlah | Lelaki | Perempuan |
| Jumlah | 32,698.1 | 17,039.7 | 15,658.5 | 33,401.8 | 17,472.3 | 15,929.5 | 34,058.8 | 17,882.7 | 16,176.1 |
| Warganegara | 30,198.2 | 15,303.6 | 14,894.6 | 30,437.1 | 15,416.1 | 15,021.0 | 30,662.7 | 15,523.1 | 15,139.6 |
| Bumiputera | 21,101.7 | 10,677.2 | 10,424.5 | 21,341.3 | 10,795.1 | 10,546.2 | 21,568.8 | 10,907.5 | 10,661.3 |
| Melayu | 17,411.5 | 8,814.0 | 8,597.5 | 17,614.9 | 8,914.4 | 8,700.5 | 17,808.4 | 9,010.2 | 8,798.2 |
| Bumiputera Lain | 3,690.3 | 1,863.2 | 1,827.0 | 3,726.5 | 1,880.7 | 1,845.8 | 3,760.4 | 1,897.4 | 1,863.0 |
| Cina | 6,873.7 | 3,501.1 | 3,372.6 | 6,866.2 | 3,493.8 | 3,372.4 | 6,857.6 | 3,486.3 | 3,371.3 |
| India | 1,999.9 | 1,005.1 | 994.8 | 2,002.7 | 1,005.1 | 997.6 | 2,005.5 | 1,005.4 | 1,000.2 |
| Lain-lain | 222.8 | 120.2 | 102.6 | 226.9 | 122.1 | 104.7 | 230.7 | 124.0 | 106.8 |
| Bukan Warganegara | 2,500.0 | 1,736.1 | 763.9 | 2,964.8 | 2,056.3 | 908.5 | 3,396.1 | 2,359.6 | 1,036.5 |

Nota:

1. Anggaran Penduduk Pertengahan Tahun berdasarkan data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020
2. Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran
3. ^P Permulaan

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN
[SEMBRONG]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN [SEMBRONG] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan keupayaan mengikut sektor perindustrian dalam melaksanakan kadar gaji minimum memandangkan Perdana Menteri telah menggalakkan sektor swasta mencontohi Khazanah Nasional Berhad dengan menetapkan gaji minimum kepada pekerja sebanyak RM3,000 sebulan semasa Majlis Sambutan Ulang tahun ke-30 Khazanah Nasional di MITEC.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan seksyen 2 Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 [Akta 732], gaji minimum bermaksud gaji pokok yang akan ditetapkan atau sebagaimana yang ditetapkan di bawah Perintah Gaji Minimum selaras dengan seksyen 23 Akta 732.

Melalui pengumuman Bajet 2025, Kerajaan bersetuju menaikkan kadar gaji minimum daripada RM1,500 sebulan kepada RM1,700 sebulan yang akan berkuat kuasa mulai 1 Februari 2025. Kerajaan juga memutuskan penangguhan kuat kuasa gaji minimum RM 1,700 membabitkan majikan yang mempunyai kurang daripada lima pekerja bagi tempoh 6 bulan iaitu berkuat kuasa pada 1 Ogos 2025.

Dasar gaji minimum dilaksanakan sebagai gaji lantai (*floor wages*) bagi pekerja kategori terendah dalam pasaran buruh dan bertujuan untuk memenuhi keperluan asas pekerja. Namun begitu, majikan dan pekerja boleh berunding bagi menetapkan kadar gaji berdasarkan kelayakan dan kemahiran yang dimiliki oleh pekerja.

Dalam menetapkan gaji minimum, kajian semula yang dilaksanakan oleh Majlis Perundingan Gaji Negara akan melihat indikator-indikator sosioekonomi yang digunakan dalam formula penetapan gaji minimum. Formula ini meliputi kriteria asas dan kriteria pelarasan. Kriteria asas terdiri daripada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang menentukan keperluan asas pekerja dan keluarga pekerja dan penengah gaji yang merujuk kepada keupayaan majikan membayar gaji pekerja.

Manakala, kriteria pelarasan terdiri daripada pertumbuhan produktiviti buruh yang menyelaraskan peningkatan gaji dengan pertumbuhan produktiviti buruh, perubahan indeks harga pengguna yang mencerminkan perubahan kos sara hidup (inflasi) dan kadar pengangguran bagi

NO SOALAN : 41

memastikan kenaikan gaji tidak menjejaskan keupayaan pasaran untuk mewujudkan dan mengekalkan peluang pekerjaan.

Selain formula gaji minimum, MPPGN turut menggunakan pendekatan seimbang (*balanced approach*) dengan mengambil kira kepentingan pihak majikan, pekerja dan kerajaan dalam penetapan gaji minimum. Pendekatan sebegini penting agar majikan mampu melaksanakan kadar gaji minimum yang baharu dan pekerja dapat mengekalkan pekerjaan.

Di samping gaji minimum, Kementerian Sumber Manusia juga akan menerbitkan garis panduan gaji permulaan bagi semua sektor pekerjaan untuk rujukan pekerja. Umpamanya, gaji permulaan Juruteknik Industri dan Pengeluaran (2,290 ringgit), Jurutera Mekanikal (3,380 ringgit) dan Profesional Pereka Kandungan Kreatif (2,985 ringgit).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL
RASHID [BUKIT BENDERA]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID [BUKIT BENDERA] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk memperkenalkan pindaan kepada Akta Dadah Berbahaya 1952 untuk membawanya selaras dengan undang-undang dan standard hak asasi manusia antarabangsa, termasuk dengan memansuhkan hukuman mati bagi kesalahan berkaitan dadah dan anggapan bersalah berkanun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, hukuman mati mandatori yang diperuntukkan bagi sabitan kesalahan mengedar dadah berbahaya di bawah subseksyen 39B(2), Akta Dadah Berbahaya 1952 [*Akta 234*] telah dipinda pada tahun 2017 melalui Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017 [*Akta A1558*].

2. Petikan sebutan subseksyen 39B(2) sebelum dan selepas pindaan Akta Dadah Berbahaya 1952 melalui Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017 [*Akta A1558*] adalah seperti berikut:

Sebutan Subseksyen 39B(2) sebelum Pindaan [*Akta A1558*]

“(2) Any person who contravenes any of the provisions of subsection (1) shall be guilty of an offence against this Act and shall be punished on conviction with death.”

Sebutan Subseksyen 39B(2) Selepas Pindaan [*Akta A1558*]

“(2) Any person who contravenes any of the provisions of subsection (1) shall be guilty of an offence against this Act and shall be punished on conviction with death or imprisonment for life and shall, if he is not sentenced to death, be punished with whipping of not less than fifteen strokes.”

3. Seterusnya pada tahun 2023, peruntukan hukuman sebatan yang diperuntukkan bagi sabitan kesalahan mengedar dadah berbahaya di bawah subseksyen 39B(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 telah dipinda melalui Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 [*Akta 846*].

4. Pindaan ini hanya melibatkan pindaan hukuman sebatan manakala hukuman mati dikekalkan. Petikan seksyen 54 dan seksyen 55 berhubung pindaan peruntukan hukuman sebatan di bawah subseksyen 39B(2) di bawah Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 adalah seperti

di bawah.

*“Bahagian VI
Pindaan Kepada Akta Dadah Berbahaya 1952*

Pindaan seksyen 39B

54. *Akta Dadah Berbahaya 1952, yang disebut “Akta ibu” dalam Bahagian ini, dipinda dalam seksyen 39B -*

(a) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “be punished with whipping of not less than fifteen strokes” dengan perkataan “be punished with whipping of not less than twelve strokes”; dan

(b) dengan memotong subseksyen (2A) dan (2B).

Peralihan

55. *Apabila Akta ini mula berkuat kuasa, jika seseorang disabitkan oleh mana-mana mahkamah kerana melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 39B Akta ibu, orang itu, sama ada dalam suatu perbicaraan atau rayuan, hendaklah dihukum mengikut peruntukan Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini walaupun kesalahan itu dilakukan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.”*

5. Walaupun Kementerian Kesihatan yang mengawal selia Akta Dadah Berbahaya 1952, pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta ini dijalankan oleh agensi lain, termasuk Polis Diraja Malaysia di bawah Kementerian Dalam Negeri. Pada masa ini, KKM tidak bercadang untuk membuat sebarang pindaan ke atas Akta Dadah Berbahaya 1952 berkenaan pemansuhan hukuman mati bagi kesalahan berkaitan dadah berbahaya. Walau bagaimanapun, KKM bersedia menerima sebarang cadangan pindaan dan akan dibawa kepada Jemaah Menteri untuk diputuskan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk memperkenalkan pindaan perundangan kepada Akta Dadah Berbahaya 1952 untuk membawanya selaras dengan undang-undang dan standard hak asasi manusia antarabangsa, termasuk dengan memansuhkan hukuman mati bagi kesalahan berkaitan dadah dan anggapan bersalah berkanun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, hukuman mati mandatori yang diperuntukkan bagi sabitan kesalahan mengedar dadah berbahaya di bawah subseksyen 39B(2), Akta Dadah Berbahaya 1952 [*Akta 234*] telah dipinda pada tahun 2017 melalui Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017 [*Akta A1558*].

2. Petikan sebutan subseksyen 39B(2) sebelum dan selepas pindaan Akta Dadah Berbahaya 1952 melalui Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017 [*Akta A1558*] adalah seperti berikut:

Sebutan Subseksyen 39B(2) sebelum Pindaan [*Akta A1558*]

“(2) Any person who contravenes any of the provisions of subsection (1) shall be guilty of an offence against this Act and shall be punished on conviction with death.”

Sebutan Subseksyen 39B(2) Selepas Pindaan [*Akta A1558*]

“(2) Any person who contravenes any of the provisions of subsection (1) shall be guilty of an offence against this Act and shall be punished on conviction with death or imprisonment for life and shall, if he is not sentenced to death, be punished with whipping of not less than fifteen strokes.”

3. Seterusnya pada tahun 2023, peruntukan hukuman sebatan yang diperuntukkan bagi sabitan kesalahan mengedar dadah berbahaya di bawah subseksyen 39B(2), Akta Dadah Berbahaya 1952 juga telah dipinda melalui Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 [*Akta 846*].

4. Pindaan ini hanya melibatkan pindaan hukuman sebatan, manakala hukuman mati dikekalkan. Petikan seksyen 54 dan seksyen 55 berhubung pindaan peruntukan hukuman sebatan di bawah subseksyen 39B(2) di bawah Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 adalah seperti berikut:

*“Bahagian VI
Pindaan Kepada Akta Dadah Berbahaya 1952*

Pindaan seksyen 39B

54. Akta Dadah Berbahaya 1952, yang disebut “Akta ibu” dalam Bahagian ini, dipinda dalam seksyen 39B -

(a) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “*be punished with whipping of not less than fifteen strokes*” dengan perkataan “*be punished with whipping of not less than twelve strokes*”; dan

(b) dengan memotong subseksyen (2A) dan (2B).

Peralihan

55. Apabila Akta ini mula berkuat kuasa, jika seseorang disabitkan oleh mana-mana mahkamah kerana melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 39B Akta ibu, orang itu, sama ada dalam suatu perbicaraan atau rayuan, hendaklah dihukum mengikut peruntukan Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini walaupun kesalahan itu dilakukan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.”

5. Walaupun Kementerian Kesihatan yang mengawal selia Akta Dadah Berbahaya 1952, pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta ini dijalankan oleh agensi lain, termasuk Polis Diraja Malaysia di bawah Kementerian Dalam Negeri. Pada masa ini, Kementerian Kesihatan tidak bercadang untuk membuat sebarang pindaan ke atas Akta Dadah Berbahaya 1952 berkenaan pemansuhan hukuman mati bagi kesalahan berkaitan dadah berbahaya. Walau bagaimanapun, KKM sedia menerima sebarang cadangan pindaan dan akan dibawa kepada Jemaah Menteri untuk diputuskan.

Sekian, terima kasih.